

*Bab Keempat*

**SIKAP ULAMA ISLAM  
TERHADAP MANTIQ**

## SIKAP ULAMA ISLAM TERHADAP *MANTIQ*

### 4.1. PENDAHULUAN

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab sebelumnya, *Mantiq* merupakan sebahagian daripada disiplin ilmu orang-orang dahulu kala (*'ulūm al-Awā'il*)<sup>1</sup> yang telah berjaya mempengaruhi pemikiran Islam. Setelah ianya diterjemahkan, orang-orang Arab-Islam mengetahui tentang *Mantiq* Aristotle beserta dengan ulasan-ulasan yang telah dibuat oleh para pengulas *Mantiq*nya. Di samping itu, mereka juga mengetahui tentang kritikan golongan pendokong madrasah *al-Rawāqiyūn* (*The school of Epicureanism*) dan *al-Shukkāk*<sup>2</sup> (*The School of Scepticism*) terhadap *Mantiq* Aristotle yang bertunjangkan kepada kajian *al-Qiyās*.<sup>3</sup>

Apabila dibicarakan tentang pengaruh *Mantiq* terhadap pemikiran Islam, maka penulis merasakan bahawa kajian ini tidak lengkap sekiranya persoalan sikap ulama terhadap disiplin ini tidak disentuh dalam kajian ini. Ini kerana kehadiran *Mantiq* ke Dunia Islam yang akhirnya berjaya mempengaruhi pemikiran Islam telah menimbulkan

<sup>1</sup>Istilah *'ulūm al-Awā'il* ini adalah satu istilah yang biasa digunakan oleh kebanyakan penulis Islam bagi merujuk kepada semua disiplin ilmu yang telah menyerap masuk ke dalam persekitaran keilmuan Islam ( atau pemikiran Islam ) melalui pengaruh kitab-kitab karangan ulama yang diceduk dari kitab-kitab Greek, atau kitab orang-orang dahulu kala samada secara langsung ataupun sebaliknya. Lihat, ('Abd al-Rahmān Badawi, Dr., *al-Turāth id-Yunāniyy Fī al-Hadārah al-Islāmiyyah*, Kaherah, 1946, h.123.)

<sup>2</sup>Kumpulan yang diketuai oleh Byrrhon ( 360 - 270 S.M.) ini telah menyaksikan banyak berlaku percanggahan pendapat di kalangan para pemikir Greek. Lantaran itu mereka telah bertindak menolak kebenaran dan kebaikan (*al-Haq Wa al-Khayr*). Mereka juga meragui kemampuan manusia untuk mengetahui tentang hakikat sesuatu.(penulis).

<sup>3</sup>Lihat mukadimah kitab *Naqd al-Mantiq* yang telah ditulis oleh 'Abd al-Rahmān al-Wakīl dalam ( Ibn Taymiyyah, Ahmad ibn 'Abd al-Halim, *Naqd al-Mantiq*, Kaherah, 1951, h. 15.)

kontroversi di kalangan para ulama Islam. Terdapat sebahagian dari kalangan mereka yang lantang menentang disiplin ini dan menempelak tokoh-tokoh yang terlibat dalam penyebaran disiplin ini dalam masyarakat Islam. Sebenarnya sebelum tokoh-tokoh ulama Islam mengkritik *Mantiq* Aristotle, pendokong-pendokong madrasah *al-Rawāqiyīyūn* dan *al-Shukkāk*, iaitu dua aliran Falsafah yang muncul selepas kepergian Aristotle, juga telah mengemukakan beberapa sanggahan terhadap *Mantiq* Aristotle. Mereka yang sekali-kali tidak menerima fikrah *al-Kulliyā* yang diperkenalkan oleh Aristotle, telah menolak kaedah-kaedah *Mantiq* yang berasaskan kepada fikrah tersebut.<sup>1</sup>

Sementara sebahagian lagi, yang kebanyakannya terdiri dari kalangan ahli Falsafah Islam telah menerima disiplin ini dengan hati yang terbuka kerana mereka amat mengagumi kehalusan kaedah-kaedah *Mantiq* tersebut. Dalam bab ini, penulis akan cuba menjelaskan tentang sikap beberapa orang tokoh ulama Islam terhadap *Mantiq*. Antara persoalan yang akan disentuh oleh penulis ialah kontraversi ulama berhubung dengan *Mantiq*, faktor-faktor yang mempengaruhi sikap mereka, contoh beberapa orang tokoh ulama yang menerima dan menolak *Mantiq* beserta dengan hujjah-hujjah mereka. Ia kemudiannya akan disusuli oleh ulasan penulis terhadap kedua-dua aliran sikap pro dan kontra tersebut.

#### **4.2. KONTRAVERSI ULAMA BERHUBUNG DENGAN *MANTIQ*.**

Sebelum penulis mengulas dengan lebih lanjut tentang persoalan sikap ulama terhadap *Mantiq*, perlu dijelaskan bahawa sememangnya di sana wujud kontraversi yang

<sup>1</sup>Lihat, ‘Abd al-Rahmān al-Wakīl, *Op.cit.*, h. 14-15.

hebat di kalangan para ulama Islam dalam menanggapi disiplin *Mantiq*. Hal ini jelas ketara kelihatan sekiranya kita membandingkan antara pandangan sebahagian besar para ulama awal Islam dan tokoh-tokoh ulama terkemudian yang menurut jejak langkah mereka dengan pandangan tokoh-tokoh ulama Islam dari kalangan ahli-ahli Falsafah seperti al-Kindī, al-Fārābī, Ibn Sīnā, Ibn Rūshd dan lain-lain lagi terhadap penyerapan pengaruh *Mantiq* Greek dalam pemikiran Islam.

Perbezaan sikap yang menggambarkan pemikiran yang berbeza ini juga jelas ketara kelihatan antara mereka dengan tokoh-tokoh ulama Islam yang cuba berusaha mendekati *Mantiq* Greek, samada untuk tujuan menguatkan akidah Islam atau memanfaatkannya untuk memantapkan kefahaman umat Islam terhadap disiplin-disiplin ilmu Islam seperti yang telah ditunjukkan oleh tokoh-tokoh ulama seperti Ibn Hazm, al-Imām al-Ghazālī, Fakīr al-Dīn al-Rāzī, al-Imām al-Bayḍawī dan lain-lain lagi. Secara umumnya memang terdapat aliran sikap pro dan kontra di kalangan para ulama Islam dalam menangani isu kehadiran *Mantiq* ke Dunia Islam.

Golongan yang menerima *Mantiq* berpendapat bahawa ianya adalah satu kaedah (*qanun*) akal yang tidak akan terbatal, justeru itu ia adalah satu neraca timbangan yang boleh digunakan untuk menimbang semua ilmu-ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh manusia. Kepatuhan terhadap semua kaedah-kaedah *Mantiq* diyakini boleh mengawasi fikiran seseorang dari tersilap dalam berfikir. Sementara pihak yang menolaknya pula berpendapat bahawa kajian-kajian *Mantiq* boleh membahayakan agama Islam kerana ianya adalah satu metod pemikiran yang telah dilahirkan oleh satu

tamaddun yang mana tasawwur metafiziknya adalah jelas bertentangan dengan tasawwur ketuhanan yang terdapat dalam Islam.

#### **4.2.1. Kategori Ulama Yang Berbeza Pandangan.**

Sebelum perbincangan selanjutnya berhubung dengan persoalan ini diteruskan, perlu dinyatakan bahawa ungkapan "ulama Islam" yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah tokoh-tokoh ulama Islam yang telah menyatakan pandangan mereka berhubung dengan *Mantiq Greek*, samada menerima disiplin ini atau pun sebaliknya. Ia termasuk tokoh-tokoh Falsafah Islam, tokoh-tokoh *mutakallimīn*, tokoh-tokoh ulama hadis, tokoh-tokoh ulama Fekah dan bidang-bidang ilmu yang lain.

Sehubungan dengan ini, kajian ini akan mengklasifikasikan mereka ke dalam dua kategori atau golongan utama sebagaimana berikut:

- 1) Golongan yang menerima *Mantiq*. Ianya terdiri dari kalangan tokoh-tokoh Falsafah dan pemikir Islam seperti al-Kindī, al-Fārābī, Ibn Sīnā, Ikhwan al-Šafā', Ibn Rushd, Ibn Ḥazm al-Andalusiyy, al-Ġibazalī, Fakhr al-Dīn al-Rāzī dan lain-lain lagi.
- 2) Golongan yang menolak *Mantiq*. Antara tokoh-tokoh ulama yang menolak *Mantiq* adalah seperti al-Imām al-Shāfi‘ī, Ibn al-Šalāḥ (m. 643 H./ 1245 M.), al-Imām al-Nawawī (m. 676 H./ 1277 M.), Ibn Taymiyyah, Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, al-Imām al-Suyūṭī dan lain-lain lagi.

Umum mengetahui bahawa golongan yang menerima *Mantiq* adalah terdiri dari kalangan tokoh-tokoh Falsafah Islam yang sebahagian besarnya telah disenaraikan di atas. Ini kerana mereka secara terbuka menerima sebahagian besar daripada disiplin-disiplin ilmu yang berasaskan kepada pemikiran Greek. Selain daripada mereka terdapat di sana kalangan ulama yang walaupun mereka menolak sebahagian besar dari aspek-aspek yang terdapat dalam Falsafah Greek (khususnya bidang ketuhanan), namun mereka boleh menerima *Mantiq* sebagai satu alat untuk menimbang semua ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh manusia bagi menentukan samada ianya benar atau pun palsu.

Sikap mereka adalah jelas berbeza dengan sikap sebahagian besar dari kalangan ulama silam sebelum kedatangan al-Imām al-Ghazālī yang lebih terkenal dengan gelaran ulama *al-Salaf* dan para pemikir Islam terkemudian yang seafiran dengan pemikiran mereka. Mereka telah menolak secara kolektif terhadap semua cabang Falsafah Greek termasuk *Mantiq* Aristotle.

Sementara golongan yang menolak *Mantiq* pula adalah terdiri dari kalangan ulama yang menolak secara kolektif terhadap semua hasil-hasil pemikiran asing yang diimport daripada luar, dimana mereka berpendapat bahawa umat Islam sepatutnya berpada dengan ilmu-ilmu pengetahuan yang berasaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Mereka juga berpendapat bahawa para pemerintah Dinasti Abbasiyah yang menggerakkan usaha penterjemahan karya-karya *Mantiq* dari bahasa asing kepada bahasa Arab adalah golongan bid'ah dan zindik. Ini kerana tindakan tersebut telah

dianggap melanggar kaedah-kaedah Islam. Para khalifah Dinasti Umayyah adalah adalah dianggap lebih baik dari mereka kerana tidak melakukan tindakan bid'ah sebagaimana yang telah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Dinasti Abbasiyyah. Mereka tidak berminat untuk mengisi minda mereka dengan Falsafah dan *Mantiq*. Sebab itulah mereka tidak memberi galakan terhadap kegiatan Falsafah.<sup>1</sup>

Penciptaan golongan ini terhadap *Mantiq* telah sampai kepada kemunculannya dengan kemunculan Ibn al-Šalāḥ dan al-Imām al-Nawawī. Ibn al-Šalāḥ telah mengeluarkan fatwa mengharamkan pengajian dan pengajaran *Mantiq* di kalangan masyarakat Islam. Walau bagaimana pun kecemerlangan aliran ini adalah terserlah dengan kemunculan Ibn Taymiyyah<sup>2</sup>, seorang mujaddid dan tokoh pemikir Islam terkenal yang telah berusaha menghidupkan kembali aliran pemikiran *al-Salafiyyah* di Dunia Islam. Kedua-dua aliran sikap yang berbeza ini akan diuraikan secara terperinci oleh penulis dalam perbincangan seterusnya.

#### 4.2.2. Faktor-Faktor Munculnya Kontraversi.

Menyentuh tentang faktor-faktor munculnya kontraversi di kalangan para ulama Islam berhubung dengan disiplin *Mantiq*, kajian ini mendapati bahawa di sana terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya peranggahan pendapat di kalangan ulama dalam menanggapi disiplin asing ini. Antaranya yang ketara ialah

<sup>1</sup>Ahmad Anūn, *Fiqh al-Islām*, Kaherah, 1955, h. 184. Lihat juga, al-Suyūtī, *Sawn al-Mantiq*, h. 6-7.

<sup>2</sup>Abd al-Rahmān al-Wakīl, *Op.cit.*, h. 16.

berpunca dari wujudnya persepsi yang berbeza antara mereka dalam menanggapi tabiat agama Islam yang telah diturunkan oleh Allah s.w.t.

Golongan yang memahami bahawa Islam adalah suatu agama yang mengandungi ajaran-ajaran yang berkaitan dengan persoalan akidah dan syariat, yang bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah sahaja, berpendapat bahawa pengertian ilmu yang maksudkan oleh nas-nas agama (iaitu supaya umat Islam mempelajari dan memahaminya) ialah ilmu yang berasaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Selain daripada ilmu-ilmu tersebut, ianya tidak dianggap sebagai satu ilmu yang sepatutnya dipelajari oleh umat Islam. Mereka hanya berpada dengan usaha memahami ilmu-ilmu yang berasaskan kepada ke dua-dua sumber pemikiran Islam tersebut.<sup>1</sup>

Al-Māwardī (m. 450 H./ 1058 M.), seorang tokoh ulama Islam terkenal, pernah memberi peringatan kepada umat Islam agar jangan beranggapan bahawa semua sabda Rasulullah s.a.w. yang menyeru mereka supaya mempelajari ilmu pengetahuan, juga bermaksud menyeru mereka mempelajari ilmu-ilmu akal (*al-‘Ulūm al-‘Aqliyyah*). Menurutnya seruan itu hanyalah dimaksudkan kepada ilmu-ilmu syara’ (*al-‘Ulūm al-Shar‘iyyah*) sahaja.<sup>2</sup> Ibn Taymiyyah, umpamanya pernah menyatakan bahawa hanya ilmu yang diwarisi daripada Rasulullah s.a.w. sahaja yang selayaknya dinamakan sebagai ilmu. Semua disiplin ilmu yang lain, selain daripada ilmu-ilmu tersebut, ianya tidak boleh dinamakan sebagai satu ilmu. Kalau pun ianya dianggap sebagai satu ilmu,

<sup>1</sup> Untuk keterangan lanjut, lihat Jurji Zaydān, *Op.cit.*, h. 46. Lihat juga Muhammad Yusuf Musa, Dr. *al-Qurān Wa al-Falsafah*, Kalerah, 1966, h. 13. <sup>2</sup> Abd al-Rahman Badawi, *al-Turuq al-Yahūniyyah*, h. 125-127.

<sup>2</sup> Abd al-Rahman Badawi, *Ibid.*, h. 127

ianya tidak boleh memberi apa-apa manfaat kepada seseorang<sup>1</sup>. Ini bermakna *Mantiq* adalah antara disiplin ilmu asing yang tidak sepatutnya dipelajari oleh orang-orang Islam menurut pandangan mereka.

Sementara golongan yang memahami bahawa Islam adalah bukan satu agama yang tertutup, bahkan di samping ianya sebagai satu agama yang menekankan kepada persoalan akidah, syari'at dan akhlak, ia juga satu agama yang bertamaddun dan boleh menerima unsur-unsur kemajuan dan juga boleh memanfaatkan semua pemikiran manusia yang tidak bertentangan dengan dasar-dasar dan ajaran Islam yang unggul, pula berpendapat bahawa pengertian ilmu yang dimaksudkan oleh nas-nas yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah adalah luas iaitu merangkumi semua bentuk dan jenis ilmu pengetahuan dan bukan dikhususkan kepada ilmu-ilmu agama dan syariat sahaja.<sup>2</sup> Ini bererti orang-orang Islam juga boleh mempelajari tentang disiplin-disiplin keilmuan yang dimiliki oleh umat-umat terdahulu, umpamanya *Mantiq* yang telah diperkenalkan oleh Aristotle, setakat mana ianya tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Aliran sikap yang berbeza ini juga dipengaruhi oleh pandangan mereka yang berbeza terhadap Falsafah Greek secara kolektifnya dan persepsi mereka terhadap beberapa aspek Falsafah yang berkait dengan persoalan akidah Islam. Dr. Muhammed al-Bahî telah membahagikan enam period masa untuk menjelaskan tentang perbezaan

<sup>1</sup>Ibn Taymiyyah, Ahmad Ibn 'Abd al-Hâlim, *Majmû'ah al-Râsa'il al-Kubrâ*, Kaherah, j. 1, 1906, h. 238

<sup>2</sup>Muhammed 'Abd al-Sattâr, *al-Mudrasah al-Sâlafiyyah*, h. 120. Lihat juga komentar al-Shâfi'î Muhammad Ali-Yasin terhadap buku "Naqd al-Fîk'r al-Dîniyy" karangan Dr. Şâdiq Jalâl al-'Azîz yang cuba menyempitkan pengertian ilmu yang digalakkan oleh Islam agar umat Islam mempelajarinya kepada disiplin ilmu agama serta ilmu yang bersangkutan dengannya sahaja. Lihat, (Muhammad Ali-Yasin, al-Shâfi'î, *Hawâniš 'Alâ Kitâb Naqd al-Fîk'r al-Dîniyy*, Beirut, 1983, h. 43.)

sikap di kalangan ulama dan pemikir Islam dalam menangani aspek-aspek Falsafah yang berkait dengan akidah Islam. Period ini dimulai dengan period penyerasian (*al-Tawfiq*) antara pandangan tokoh-tokoh Falsafah Greek sesama mereka dan juga penyesuaian antara pandangan tersebut dengan ajaran Islam dalam persoalan-persoalan yang berkait dengan akidah Islam. Aliran ini telah dipelopori oleh al-Kindī, al-Fārābī, Ikhwān al-Safa' dan Ibn Sīnā.<sup>1</sup>

Tokoh-tokoh Falsafah Islam telah menerima hampir kesemua hasil-hasil pemikiran Greek. Kalau sekiranya terdapat beberapa sudut pandangan yang dirasakan tidak secocok dengan ajaran Islam, mereka akan berusaha membuat penyerasian (*al-Tawfiq*) antara Falsafah dengan ajaran Islam.<sup>2</sup> Selain daripada itu, mereka juga menyerasikan pemikiran tokoh-tokoh Falsafah Greek yang kelihatan bercanggahan antara satu sama lain. Karya al-Fārābī "Kitāb al-Jam' Bayn Ra'yayn al-Hakimayn" adalah contoh yang paling jelas tentang percubaan al-Fārābī untuk menyerasikan antara pandangan Plato dengan pandangan Aristotle.<sup>3</sup>

Ini bererti Falsafah yang mereka miliki adalah mengandungi tiga komponen utama iaitu, pemikiran yang diimport daripada luar, pemikiran Islam, dan pemikiran yang telah diserasikan antara pemikiran Islam dengan pemikiran yang diimport dari luar tersebut.<sup>4</sup> Usaha ini menunjukkan bahawa mereka telah menerima Falsafah Greek secara kolektifnya.

<sup>1</sup>Muhammad al-Bahī, *al-Jānib al-Ilāhiyy*; h. 23.

<sup>2</sup>Lihat, Nuṣaym, *Op.cit.*, h. 175.

<sup>3</sup>Muhammad al-Bahī, *al-Jānib al-Ilāhiyy*; h. 206.

<sup>4</sup>Nuṣaym, *Op.cit.*, h. 175.

Period kritikan tajam terhadap *Mantiq* pula berlaku pada period yang kelima. Di mana dalam period ini muncul penyangkalan terhadap *al-Jadil* yang berasaskan kepada akal dalam persoalan yang berkait dengan akidah Islam dan seterusnya mengkritik aliran-aliran mazhab Falsafah dan *al-Kalam* dalam menguatkan akidah Islam pula telah dipelopori oleh Ibn Taymiyyah dan Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah.<sup>1</sup> Umum mengetahui bahawa terdapat tokoh-tokoh ulama Islam seperti al-Ghazālī, Fakhr al-Dīn al-Rāzī, al-Imām al-Baydāwī dan lain-lain lagi yang cuba menggunakan *Mantiq* dalam membicarakan persoalan-persoalan yang berkait dengan akidah Islam. Tindakan mereka telah dikritik hebat oleh Ibn Taymiyyah yang lebih cenderung kepada pemikiran *al-Salafiyyah*.

Secara ringkasnya kita menyimpulkan bahawa faktor utama berlakunya kontraversi ulama berhubung dengan *Mantiq* ialah berpunca dari persepsi yang berbeza di kalangan ulama dalam menanggapi tabiat agama Islam dan juga dalam menanggapi Falsafah Greek yang telah berkembang ke Dunia Islam. Untuk huraian seterusnya, kajian ini akan cuba menjelaskan tentang pandangan kedua-dua pihak yang berkontraversi tersebut agar kita memperolehi gambaran yang jelas tentang persoalan ini.

#### **4.3. GOLONGAN YANG MENERIMA *MANTIQ***

Umumnya kita mengetahui bahawa terdapat beberapa khalifah Islam di zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyah yang telah mendokongi penyebaran disiplin-disiplin

<sup>1</sup>Untuk keterangan lanjut, lihat, (Muhammad al-Bahī, *al-Janib al-Hāfiyyah*, h. 23-24.)

ilmu asing di Dunia Islam pada period-period pemerintahan mereka. Dorongan, galakan dan perangsang yang telah diberikan oleh mereka terhadap penyebaran ilmu-ilmu tersebut telah menyebabkan munculnya tokoh-tokoh Falsafah dan pemikir Islam yang cuba mendekati pemikiran asing termasuk *Mantiq*. Tokoh-tokoh Falsafah Islam adalah golongan yang lebih terkedepan dalam mengembangkan idea-idea pemikiran Greek di Dunia Islam. Mereka amat mengagumi *Mantiq* Aristotle dan menganggapnya sebagai sesuatu yang kudus lagi suci.

Untuk melihat dengan lebih dekat sikap tokoh-tokoh ulama yang menerima *Mantiq* di Dunia Islam, penulis akan memilih beberapa tokoh Falsafah dan pemikir Islam seperti al-Farabi, Ibn Sina, al-Ghazali, Ibn Hazm (m. 456 H./ 1063 M.) dan Ibn Rushd sebagai mewakili sikap golongan yang menerima *Mantiq* di Dunia Islam. Hujjah-hujjah yang telah dikemukakan oleh golongan ini adalah berkisar kepada penjelasan mereka betapa penting dan perlunya *Mantiq* bagi mengawasi pemikiran manusia dari kesalahan dan kesilapan berfikir.

#### 4.3.1. Al-Farabi (m. 339 H./ 950 M.)

Kita sememangnya sedia maklum bahawa Al-Farabi telah memberikan sumbangan yang amat besar dalam bidang Fizik, Matematik, ilmu politik dan juga *Mantiq*. Beliau telah memberi perhatian yang serious terhadap bidang *Mantiq*. Banyak karya-karya yang telah dihasilkannya dalam bidang ini telah menjadi rujukan utama para pemikir Islam dan juga Barat dahulu dan kini. Karya-karya beliau adalah berupa ulasan, ringkasan dan juga komentar beliau terhadap karya-karya *Mantiq* Aristotle. Tidak

hairankah kalau beliau diberi gelaran sebagai guru yang kedua (*al-Mu'allim al-Thani*) selepas Aristotle, guru pertama dalam bidang *Mantiq*.

Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas tentang sikap beliau terhadap *Mantiq*, kajian ini akan merujuk kepada karya terkenal beliau dalam bidang Falsafah, iaitu "*Iḥṣā' al-'Ulūm*". Di dalam kitab ini beliau telah menjelaskan pandangan beliau terhadap *Mantiq* secara terperinci. Penjelasan beliau berhubung dengan disiplin *Mantiq* antara lain merangkumiuraian tentang peranan *Mantiq* dalam kehidupan manusia dan juga nisbah kedudukan *Mantiq* dalam lapangan ilmu pengetahuan.

#### **4.3.1.1. Peranan *Mantiq*.**

Menyentuh tentang peranan *Mantiq*, beliau di dalam kitabnya "*Iḥṣā' al-'Ulūm*" menjelaskan bahawa *ṣinā'ah Mantiq* mempunya dua peranan utama sebagaimana berikut:<sup>1</sup>

- 1) *Mantiq* menyediakan peraturan-peraturan yang boleh memperbetulkan fikiran manusia dan memandu pemikiran mereka ke arah jalan yang benar dalam semua lapangan yang memungkinkan berlakunya kesilapan mereka dalam memikirkan tentang *maṣ'ūlāt* (perkara-perkara yang mampu difikirkan oleh akal manusia).

<sup>1</sup> Al-Farabi, *Iḥṣā'*, h. 13. Lihat juga, Sa'īd Zayid, *al-Farabi*, Kaherah, 1962, h. 34.

2) *Mantiq* adalah alat<sup>1</sup> untuk menguji lapangan-lapangan pemikiran yang memungkinkan berlakunya kesilapan. Ia dapat memperbaiki pemikiran orang lain, atau kita dapat membetulkan pemikiran kita sendiri, atau orang lain dapat membetulkan pemikiran kita.

Al-Farabi telah meletakkan *Mantiq* pada kedudukan yang amat tinggi berbanding dengan ilmu-ilmu pengetahuan yang lain. Beliau berpendapat bahawa kaedah-kaedah *Mantiq* boleh dimanfaatkan untuk semua ilmu pengetahuan. Kaedah-kaedah tersebut juga adalah sama pada semua umat manusia. Ini kerana *Mantiq* tidak melihat kepada aspek-aspek khusus yang terdapat pada lidah pertuturan mana-mana bangsa yang menjadi fokus kajian ilmu bahasa (seperti *al-Nahw*, *al-Şarf*, *al-Balaqah* dan lain-lain lagi).<sup>2</sup> Menurutnya lagi peranan *Mantiq* yang mampu membezakan antara kebenaran dan kebatilan, boleh memberi kekuatan dan kesempurnaan kepada manusia.<sup>3</sup>

Kejahilan tentang kaedah-kaedah tersebut menurut, boleh menyebabkan kita tidak mampu untuk membezakan antara pandangan-pandangan yang betul dan rosak yang menjadi pegangan kita ataupun pegangan orang lain. Selain daripada itu, kita juga tidak berupaya untuk meleraikan pandangan-pandangan yang bertentangan antara satu sama lain kerana kita tidak mempunyai sebarang neraca timbang untuk menimbang

<sup>1</sup>Tanggapan utamanya terhadap *Mantiq* sebagai satu alat bagi ilmu pengetahuan adalah sama dengan tanggapan Ibn Sina dan Ikhwan al-Ṣafa' terhadapnya. Persepsi ini adalah selaras dengan aliran pemikiran Aristotle tetapi berlawanan dengan aliran pemikiran *al-Rawāqīyyūn* (*Epicurean*) yang menganggap *Mantiq* sebagai sebahagian dari Falsafah. Lihat, (al-Alusi, Hasam al-Din, Dr., *Dirāyat Fi al-Fikr al-Falsafiy* 'al-Islamīyy), Beirut, 1980, h. 211. Amīrah Helmi Majr, Dr., *al-Falsafah 'Indū al-Yūmān*, Kaherah, 1965, h. 274.)

<sup>2</sup>Al-Farabi, *Op.cit.*, h. 19.

<sup>3</sup>Al-Farabi, Muhammad ibn Tarkhan, *Kitāb al-Ifāz al-Musta'malah Fi al-Mantiq*, Beirut, 1986, h. 104.

kesemua pandangan tersebut samada betul atau sebaliknya.<sup>1</sup> Beliau menolak pandangan kalangan yang menyatakan bahawa kaedah ini tidak perlu dipelajari oleh mereka yang sudah mahir menggunakan pernyataan-pernyataan dan pidato-pidato yang berbentuk perdebatan (*al-Jadil*).<sup>2</sup>

Menurut beliau, mereka yang berpandangan sedemikian adalah scumpama mereka yang menyatakan bahawa seseorang yang biasa menghafal sya ir-sya ir Arab, pidato-pidato dan banyak meriwayatkan tentangnya adalah tidak perlu mempelajari kaedah-kaedah Nahu sedangkan kaedah-kaedah tersebut adalah amat diperlukan bagi memperbetulkan percakapan seseorang. Menurutnya lagi, kaedah *Mantiq* yang merupakan himpunan kaedah-kaedah umum yang disusun untuk semua manusia adalah berperanan untuk memperbetulkan pemikiran mereka sebagaimana kaedah Nahu yang amat diperlukan bagi maksud memperbetulkan percakapan seseorang.<sup>3</sup>

#### **4.2.1.2. Nisbah Kedudukan *Mantiq*.**

Dalam memperkatakan tentang nisbah kedudukan *Mantiq* kepada akal manusia dan *ma'qūlāt*. Beliau antara lain menjelaskan bahawa nisbah kedudukan *Mantiq* dalam lapangan ilmu pengetahuan adalah sebagaimana nisbah kedudukan Nahu kepada lidah pertuturan manusia dan lafaz-lafaz yang terbit daripadanya. Kalau sekiranya Nahu menyediakan kaedah-kaedah berkaitan dengan lafaz-lafaz, *Mantiq* pula menyediakan kaedah-kaedah berkaitan dengan *ma'qūlāt*.

---

<sup>1</sup> Al-Farābī, *Hiyāt*, h. 15

<sup>2</sup> *Ibid*, h. 16.

<sup>3</sup> *Ibid*. lihat juga , Sa'īd Zayd, *Op.cit.*, h. 13.

Apa yang membezakan antara kedua-dua-duanya ialah, kaedah-kaedah *Mantiq* bersifat iniversal kerana ianya adalah berkaitan dengan akal manusia yang tidak terikat dengan masa, tempat dan bahasa pertuturan yang tertentu, sementara kaedah Nahu pula adalah bersifat konvensional yang dikhususkan untuk bahasa tertentu yang terdapat pada sesuatu bangsa.<sup>1</sup>

Kenyataan di atas seolahnya ditujukan oleh al-Farābī kepada mereka yang menolak dan menentang *Mantiq* dengan mengemukakan alasan-alasan yang dikaitkan dengan bahasa Greek. Penentangan yang telah dicetuskan oleh al-Imām al-Shāfi‘ī dan diikuti oleh beberapa orang ulama selepasnya seperti Ibn Sharshīr, Ibn Qutaybah, Ibn al-Athīr, Abū Sa‘īd al-Sayrāfī dan beberapa tokoh pemikir Islam yang lain, adalah berdasarkan kepada kepercayaan bahawa bahasa Arab, dengan pelbagai disiplin ilmu yang terdapat di dalamnya (ilmu-ilmu Islam) tidak memerlukan bahasa Greek amnya dan *Mantiq* Aristotle khasnya bagi membincangkan topik-topik perbahasan yang terdapat di dalamnya.<sup>2</sup>

#### 4.2.2. Ibn Sīnā (m. 428 H./ 1036 M.)

Ibn Sīnā merupakan seorang tokoh pemikir Falsafah yang paling menonjol terpengaruh dengan pemikiran Greek berbanding engan tokoh-tokoh pemikir yang lain.<sup>3</sup> Beliau telah memainkan peranan yang penting dalam mengembangkan disiplin pemikiran *Mantiq* di Dunia Islam selepas kematian al-Farābī. Amatlah wajar beliau

<sup>1</sup>*Ibid.*

<sup>2</sup>Muhammad Abd al-Sattār, *Op.cit.*, h. 149

<sup>3</sup>Sabih Ahmad Kamali, *Types Of Islamic Thought*, Aligarh, t.t., h. 60

mendapat penghormatan dengan gelaran *al-Shaikh al-Raīs*. Antara sumbangan beliau yang terpenting dalam bidang *Mantiq* ialah penghasilan karya-karya *Mantiq* seperti *al-Shifā'*, *al-Ishārāt Wa al-Tanbīhāt* dan *al-Najāt*.

Untuk melihat dengan lebih dekat tentang sikap beliau terhadap *Mantiq* kajian ini akan cuba membentangkan pandangan beliau terhadap *Mantiq* sebagaimana yang diungkapkannya dalam karya-karya terkenal beliau dalam bidang *Mantiq* seperti *al-Shifā'*, *al-Ishārāt Wa al-Tanbīhāt* dan *al-Najāt*. Dalam karya-karya tersebut, beliau juga telah menyentuh perbicaraan tentang peranan *Mantiq* dan nisbah kedudukannya dalam lapangan ilmu pengetahuan sebagaimana al-Farabi.

#### 4.2.2.1. Peranan *Mantiq*

Dalam memperkatakan tentang peranan *Mantiq*, Ibn Sīnā berpendapat bahawa antara peranan utamanya ialah untuk dijadikan sebagai satu alat yang berupa peraturan atau kaedah-kaedah bagi mengawasi pemikiran manusia agar mereka tidak tersilap dalam bersikir.<sup>1</sup> Persepsi beliau terhadap *Mantiq* sebagai satu alat yang dapat mengawasi fikiran manusia dari kesilapan inilah yang menyebabkan beliau lebih cenderung untuk menggunakan gaya bahasa ilmiah yang halus (iaitu yang berasaskan kepada kaedah-kaedah *Mantiq*) dalam karya-karya yang dihasilkannya. Hal ini lebih terserlah dalam pendefinisan beliau terhadap *al-Hikmah* (Falsafah) dan pembahagiannya kepada bahagian-bahagian tertentu yang meletakkan *Mantiq* sebagai alat bagi *al-Hikmah*.<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Ibn Sīnā, *al-Ishārāt*, h. 167.

<sup>2</sup>Qadri Haliz, *Op.cit.*, h. 74.

Alat ini adalah sesuai untuk digunakan bagi semua ilmu yang berbentuk teori (*al-`Ulūm al-Nazariyyah*) kerana ia mengandungi prinsip-prinsip yang diperlukan oleh seseorang yang ingin mengetahui tentang maklumat sesuatu yang belum diketahuinya melalui perantaraan maklumat sesuatu yang sudah pun diketahuinya.<sup>1</sup>

Sebahagian pengkaji berpendapat bahawa Ibn Sīnā tidak konsisten dalam menanggapi *Mantiq*, adakah ianya alat bagi ilmu atau pengantar bagi Falsafah, atau ianya adalah sebahagian dari Falsafah. Walau bagaimana pun, dalam hal ini, Dr. Ja`far Ālī Yāsīn menjelaskan bahawa pendirian Ibn Sīnā dalam perkara ini adalah jelas iaitu *Mantiq* adalah bukan sebahagian dari Falsafah bagi mereka yang mampu memahami Falsafah sehingga membolehkannya membahaskan tentang sesuatu sebagaimana ianya wujud yang terbahagi kepada *al-Wujūd al-dhīmiyy* (kewujudan yang hanya terdapat dalam fikiran manusia) dan *al-Wujūd al-khārijīyy* (kewujudan luaran yang dapat dicapai oleh pancaindera manusia). Walau bagaimanapun, dari sudut peranan *Mantiq* yang banyak memberi manfaat kepadanya, ia tetap menjadi alat bagi Falsafah di sisinya juga. Sementara bagi mereka yang memahami tentang Falsafah sehingga membolehkannya membahaskan tentang semua ilmu teori dari pelbagai aspeknya, maka *Mantiq* baginya adalah sebahagian dari Falsafah dan dalam masa yang sama menjadi alat bagi semua bahagian-bahagian atau cabang-cabang Falsafah yang lain.<sup>2</sup>

Menurut Ibn Sīnā, kepentingan utama *Mantiq* adalah terletak pada kedudukannya sebagai satu *śinā'ah* yang berbentuk teori yang membolehkan seseorang

<sup>1</sup>Ibn Sīnā, *Mantiq al-Maqṣūriyyah*, Kaherah, 1910, h. 5-6.

<sup>2</sup>Lihat, Ja`far Ālī-Yāsīn, *Op.cit.*, h. 15-16.

mengetahui tentang *al-Suwar* dan *al-Mawād* (lafaz-lafaz dan makna-makna) yang membentuk *al-Had* (definisi) yang betul, *al-Qiyās* yang betul, *al-Had al-Iqna'iyy* (*al-Rasm*) dan juga *al-Qiyās al-Iqna'iyy*.<sup>1</sup> Di samping itu, ia juga membolehkan seseorang mengetahui tentang *al-Suwar* dan *al-Mawād* yang membentuk *al-Had* dan *al-Qiyās* yang rosak<sup>2</sup> dan *al-Qiyās al-Shi'riyy*.<sup>3</sup> Beliau juga telah menyatakan bahawa pembelajaran *Mantiq* merupakan asas untuk mencapai kesempurnaan jiwa bagi manusia.<sup>4</sup>

#### 4.2.1. 2. Nisbah kedudukan *Mantiq*.

Ibn Sīnā mempunyai pandangan hampir serupa dengan al-Fārābī dalam menentukan nisbah kedudukan *Mantiq* berbanding dengan disiplin-disiplin ilmu yang lain. Menurutnya Nisbah perbandingan *sina'iyyah Mantiq* bagi fikiran manusia, seumpama nisbah kedudukan Nahu bagi pernyataan-pernyataan (*al-'Ibārāt*) zahir atau seumpama nisbah kedudukan *al-'Arūd* bagi sya ir-sya ir Arab.<sup>5</sup>

Beliau yang menganggap *Mantiq* sebagai satu alat dan satu bahagian dari Falsafah dalam masa yang sama telah meletakkan *Mantiq* pada kedudukan yang amat tinggi. Untuk menjelaskan tentang betapa pentingnya *Mantiq* kepada manusia, beliau

<sup>1</sup>Ibn Sīnā, *al-Najāt*, h. 4-5.

<sup>2</sup>*Al-Qiyās* yang rosak yang dinamakan oleh Ibn Sīnā sebagai *mugħiditijjym sufsaqiñiyyam*, adalah qias yang kelihatan semacam satu dalil, tetapi pada hakikatnya ia adalah bukan satu dalil. (penulis).

<sup>3</sup>Ibn Sīnā, *al-Najāt*, h. 5. *Al-Qiyās al-Shi'riyy* pula, adalah qias tidak berdasarkan kepada kebenaran. Ia adalah khayalan semata-mata yang cuba untuk menarik perhatian seseorang agar menerima sesuatu perkara atau cuba mempengaruhi seseorang agar meninggal dan menolak sesuatu perkara. (penulis).

<sup>4</sup>Ibn Sīnā, *al-Shifā'*, h. 16.

<sup>5</sup>Ibn Sīnā, *al-Najāt*, h.162.

menyatakan bahawa kemungkinan mereka yang mempunyai fitrah yang bersih dan dayarasa yang sejahtera (*al-Dhawq al-Salim*) tidak perlu mempelajari *al-Nahw* dan *al-Arūd*, namun *Mantiq* tetap diperlukan oleh sesiapa pun kecuali individu-individu yang diperkuatkan (iaitu dengan wahyu dan mu'jizat) oleh Allah s.w.t.)<sup>1</sup>

Menurut beliau lagi, fitrah manusia semata-mata tidak mampu atau memadai untuk membezakan antara kebenaran dan kesalahan yang terdapat dalam persoalan-persoalan *al-Tayawwurāt* dan *al-Taydiqāt*. Ini kerana manusia secara logiknya sentiasa bercanggahan pendapat dalam pelbagai perkara. Setiap individu juga sentiasa berkontradik dalam dirinya sendiri dalam banyak keadaan. Justeru itu sepatutnya wujud satu undang-undang atau peraturan bersifir yang dicipta khusus bagi mempastikan maklumat-maklumat *al-Tayawwur* dan *al-Taydiq* yang masih belum diketahui, dapat diketahui melalui perantaraan maklumat yang sudahpun diketahui.<sup>2</sup> *Mantiq* adalah diperlukan bagi melengkapkan ilmu pengetahuan yang terdapat pada seseorang yang tidak dianugerahi dengan keistimewaan-keistimewaan peribadi tertentu dalam mencapai ilmu pengetahuan (contohnya para rasul-rasul 'a.s.).

#### 4.3.3. Al-Ghazālī (m. 505 H./ 1111 M.)

Kalau sekiranya tokoh-tokoh Falafah Islam seperti dan Ibn Sīnā secara terbuka menerima *Mantiq* dengan anggapan bahawa ianya adalah alat bagi semua ilmu pengetahuan, al-Imām al-Ghazālī yang mengakui bahawa *Mantiq* adalah sebahagian dari

<sup>1</sup>Ibid.

<sup>2</sup>Ibid. h. 19. Kenyataan ini adalah menunjuk kepada peranan *al-Qiyās* yang dapat mengeluarkan kesimpulan-kesimpulan yang tidak diketahui oleh manusia melalui perantaraan mukadimah-mukadimah yang terkandung di dalamnya maklumat yang sudah diketahui.

ilmu-ilmu Falsafah, disamping Geometri dan Aritmetik, ilmu ketuhanan (*al-Ilāhiyyāt*) dan ilmu tabi'i (*al-Tabi'īyyāt*), juga telah menunjukkan sikap positif terhadap disiplin *Mantiq* (khususnya yang tidak bercampur aduk dengan unsur-unsur yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam) walau pun beliau telah menolak sebagian besar dari cabang-cabang Falsafah Greek lainnya. Beliau telah banyak memberi sumbangan kepada perkembangan disiplin *Mantiq* di Dunia Islam khususnya pada peringkat-peringkat awal kehidupannya.

Untukuraian lanjut tentang sikap beliau terhadap *Mantiq*, kajian ini akan merujuk kepada beberapa karya beliau yang terkenal seperti *Maqāṣid al-Falāsifah*, *Tahāfiẓ al-Falāsifah*, *Mi‘yār al-‘Ilm* dan *al-Munqidh Min al-Dalāl* sebagai landasan utama untuk meninjau sikap beliau terhadap disiplin *Mantiq*. Di dalam karya-karya tersebut, beliau telah menjelaskan tentang persepsi beliau terhadap *Mantiq* secara umum dan juga menghuraikan peranan *Mantiq* serta nisbah kedudukannya dalam bidang ilmu pengetahuan.

#### 4.3.3.1. Pandangan Secara Umum.

Secara umumnya, al-*Għażali* menerusi kitabnya "*al-Maqāṣid*",<sup>1</sup> menjelaskan bahawa kebanyakan ilmu (kaedah-kaedah) *Mantiq* adalah berdasarkan kepada metod yang betul, dan jarang berlaku kesilapan padanya. Ahli-ahli *Mantiq* hanya bercanggahan pendapat dengan ulama-ulama yang membawa panji-panji kebenaran dari

<sup>1</sup>Kitab ini telah ditulis pada tahun 487 H/ 1094 M. Ia mengandungi ringkasan secara menyeluruh dan jelas berhubung teori-teori Falsafah seperti yang digambarkan oleh dan Ibn Sina. Dalam kitab ini, al-*Għażali* menjelaskan juga bahawa ilmu pengetahuan ahli-ahli Falsafah terbahagi kepada empat bahagian, iaitu Geometri (ilmu pasti), *Mantiq* (logik) kosmologi (ilmu tabi'i) dan theologi (ilmu ketuhanan). Lihat al-*Għażali*, *Maqāṣid*, h. 6. Lihat juga, 'Adil Zabūb, *Al-Imam al-Ġħażali Dan Metodologji Kajianu*, Kuala Lumpur, 1993, h. 29.

segi istilah dan sebutan sahaja, bukan dari segi pengertian dan maksudnya. Ini kerana tujuan ilmu tersebut adalah untuk memperbaiki dan memperbetulkan bentuk-bentuk pendalilan dan dari sudut ini ianya adalah sama dengan apa yang telah dibincangkan oleh semua ahli fikir (*al-Nazzār*).<sup>1</sup>

Bagi menyokong alasan di atas, beliau menyatakan di dalam *al-Munqidh*, bahawa *Mantiq* adalah ilmu yang dipergunakan oleh golongan *mutakallimīn* dan ahli-ahli fikir dalam menegakkan dalil-dalil mereka. Hanya nama sahaja yang berbeza menurut istilah masing-masing.<sup>2</sup>

Dalam kitab *al-Tuhāfi*, beliau menegaskan bahawa *Mantiq* adalah sebahagian dari ilmu yang dimiliki oleh semua umat manusia, bukan dimonopoli oleh ahli-ahli Falsafah sahaja. Mereka hanya memonopoli istilah-istilahnya sahaja.<sup>3</sup> Ungkapan "Mantiq" yang diperkenalkan oleh mereka adalah sama dengan ungkapan-ungkapan seperti (*al-Nazar*), (*al-Jadāl*) atau (*maḍārik al-‘uqūl*) yang telah diperkatakan oleh golongan *mutakallimīn*. Ahli-ahli Falsafah sengaja mengubah ungkapan tersebut bertujuan untuk memesangkan kafahaman orang ramai sehingga apabila seseorang yang lemah kefahamannya akan mudah menyangka bahawa *Mantiq* adalah satu ilmu asing yang tidak diketahui oleh golongan *mutakallimīn* dan hanya diketahui oleh ahli-ahli Falsafah sahaja.<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Al-Ghazālī, *Maqāsid*, h. 3.

<sup>2</sup> Lihat, al-Ghazālī, *al-Munqidh*, h. 18.

<sup>3</sup> Al-Ghazālī, *Tuhāfi*, h. 82.

<sup>4</sup> *Ibid.*

Al-Imām al-Ghazālī tidak menolak sesuatu disiplin ilmu atas alasan ianya bukan dihasilkan oleh umat Islam. Beliau telah menempelak golongan yang menolak *Muniq* semata-mata kerana pengasasnya bukan terdiri dari kalangan yang beragama Islam. Beliau mengumpamakan hal ini sebagaimana mereka yang menganggap bahawa madu yang diletakkan dalam *mihyamah* (iaitu bekas yang biasanya dikhususkan untuk mengisi darah kotor yang dikeluarkan dari seseorang yang berbekam) adalah kotor sedangkan ianya tidak sedikit pun mengubah keadaan madu tersebut( kalau pun tabi'at manusia memandang jijik terhadapnya, namun ianya tetap bersih kerana bekas tersebut hanya akan menjadi kotor sekiranya ia diisi dengan darah, sekiranya ia diisi dengan sesuatu yang bersih, ia tetap bersih walaupun mungkin seseorang akan memandang jijik terhadapnya). Mereka senang menerima pendapat yang dikeluarkan oleh seseorang yang betul akidahnya walaupun pendapat tersebut adalah tidak betul dan sebaliknya mereka juga senang menolak pendapat yang dikeluarkan oleh seseorang yang rosak akidahnya walaupun pendapat tersebut adalah betul. Mereka mengenali kebenaran melalui seseorang yang menyuarakannya, bukan mengenali seseorang melalui kebenaran yang diperkatakannya. Inilah kesilapan yang paling nyata.<sup>1</sup>

Di dalam kitab ini juga beliau telah mengkritik golongan yang telah melencung dari lunas-lunas kebenaran kerana gagal mematuhi kaedah-kaedah *Muniq* yang telah ditetapkan oleh ulama *Muniq*. Kritikan ini menurut Ibn Taymiyyah menunjukkan bahawa al-Ghazālī telah mengubah sikapnya terhadap disiplin *Muniq* yang amat dikaguminya pada peringkat awal kehidupannya.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Al-Ghazālī, *al-Munqidh*, h. 114.

<sup>2</sup> Lihat, Abd al-Rahmān al-Wakīl, *Op.cit.*, h. 15.

Dalam hal ini penulis berpendapat bahawa memang tidak dinafikan bahawa beliau sedikit sebanyak telah menunjukkan perubahan sikapnya terhadap *Mantiq*. Namun beliau tetap tidak menolak kaedah-kaedah *Mantiq* itu sendiri di atas sifatnya sebagai suatu kaedah. Kritikannya hanya ditujukan kepada aspek pengaplikasian atau pemakaian kaedah-kaedah *Mantiq* (*Tuhibiq al-Qawāniḥ*) yang tidak menepati syarat-syarat yang telah digariskan oleh ulama-ulama *Mantiq* itu sendiri. Hal ini sebenarnya telah terbukti berlaku kepada ahli-ahli Falsafah Islam yang menyebabkan timbulnya pelbagai kesesatan hasil dari kegagalan mereka mematuhi kaedah-kaedah tersebut ketika membicarakan masalah ketuhanan (*al-Ilāhiyyāt*).

Dari aspek yang lain pula, penulis berpendapat bahawa sekiranya diperingkat akhir kehidupannya beliau menolak *Mantiq* sebagai salah satu cara untuk mencapai *ma'rifah Allah*, namun ini tidak bererti beliau menafikan keperluan *Mantiq* untuk diaplikasikan dalam cawangan-cawangan *ma'rifah* manusia yang lain. Metod *al-Kashf* yang ditemuinya adalah metod terbaik untuk mencapai *ma'rifah Allah*, namun metod ini mungkin tidak sesuai untuk diaplikasikan dalam cawangan-cawangan *ma'rifah* manusia yang lain.

Berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan beliau yang terdapat dalam beberapa karya *Mantiq* beliau seperti *Miṣyar al-‘Ilm*, *Mihāk al-Naẓar*, *al-Qiṣṭas al-Mustaqīm* dan juga *al-Mustasyfa*, ternyata bahawa beliau telah menerima *Mantiq* sebagai satu disiplin ilmu yang berfungsi membezakan antara dalil-dalil yang benar dan rosak. Kenyataan beliau di dalam *al-Munqidh*, menunjukkan bahawa beliau bersikap lebih berhati-hati

terhadap penggunaan kaedah *Mantiq* yang boleh menyesatkan umat Islam, sebagaimana yang berlaku kepada ahli-ahli Falsafah Islam.

Ini kerana *Mantiq* di atas sifatnya sebagai satu disiplin penimbang yang bersifat praktikal atau gunaan mungkin akan mendatangkan bahaya kepada masyarakat Islam apabila ianya tidak digunakan dengan baik berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah digariskan oleh ulama-ulama *Mantiq*. Bahaya seperti ini sebenarnya telah menimpa umat Islam apabila tokoh-tokoh Falsafah Islam tidak mematuhi syarat-syarat *al-Burhān* dalam membicarakan masalah ketuhanan. Mereka sengaja tidak mempedulikan syarat-syarat tersebut. Faktor inilah yang menyebabkan mereka banyak melakukan kesalahan sehingga menjauhkan mereka dari roh ajaran Islam.<sup>1</sup> Walau bagaimana pun sekiranya mereka mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ulama-ulama *Mantiq*, al-Ghazālī menyeru orang ramai agar menerima dalil-dalil *Mantiq* yang dikemukakan oleh mereka.<sup>2</sup>

Di samping itu ada juga kemungkinan bahawa mereka yang mengagumi kehalusan kaedah-kaedah *Mantiq* akan menyangka bahawa semua kekusuran yang dibawa oleh ahli-ahli Falsafah berkait dengan bidang ketuhanan, diperkuatkan oleh dalil-dalil *Mantiq* tersebut. Sekiranya fenomena ini berlaku, tentu sekali ianya akan menjerumuskan mereka ke lembah kekusuran sebelum mereka membuat apa-apa kajian tentang persoalan-persoalan ketuhanan tersebut. Faktor inilah yang mendorong beliau

<sup>1</sup> Al-Ghazālī, *al-Munqidh*; h. 104-105. Lihat juga, Ibn al-‘Imad, *Shadharat al-Dhiddhab*; j. 2, h. 353, Mahmud Qasim, Dr., *Dirasat Fi al-Falsafah al-Islamiyyah*, Kaherah, 1967, h. 152.

<sup>2</sup> Mahmud Qasim, *Ibid.*

untuk menjadikan *Mantiq* sebagai senjata utama<sup>1</sup> bagi menyerang ahli-ahli Falsafah yang menurut pandangannya amat membahayakan agama Islam kerana karya-karya mereka amat digemari oleh masyarakat Islam pada suatu ketika. Mereka sentiasa bersangka baik terhadap ilmu-ilmu mereka walaupun terdapat antaranya yang bercanggah dengan ajaran Islam.<sup>2</sup>

Dr. Muhammad ‘Abd al-Sattār ketika mengulas tentang persoalan ini menyatakan bahawa kritikan tersebut menunjukkan kecenderungan al-Ghazālī merendahkan nilai *Mantiq* dari sudut praktikal atau gunaannya kerana telah terbukti wujudnya bahaya *Mantiq* dari sudut penggunaan ini. Beliau tetap mengakui tentang kesahihan *Mantiq* dari segi zatnya, namun beliau menegaskan bahawa kesesatan akan timbul sekiranya penggunaan kaedah-kaedah *Mantiq* tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh para ulama *Mantiq*.<sup>3</sup>

Pandangan beliau di atas adalah secocok dengan pandangan ‘Abbas al-‘Aqqād, seorang tokoh pemikir Islam terkenal di zaman moden. Beliau berpendapat bahawa kritikan al-Ghazālī, bahkan Ibn Taymiyyah sendiri terhadap *Mantiq* Greek bukan bertujuan untuk meruntuhkan asas-asas binaan *Mantiq* Greek, tetapi untuk memperbetul dan memperbaiki kesilapan yang telah dilakukan oleh individu-individu yang tidak pandai menggunakan kaedah-kaedah *al-Qiyās* dan *al-Burhān* dengan betul. Kedua-dua

<sup>1</sup>Walaupun beliau menggunakan *Mantiq* sebagai senjata utama untuk menyerang ahli-ahli Falsafah, namun beliau tetap mengambil bahan-bahannya (*al-Mukāh*) daripada akidah keimanan. Lihat, (Ihsayn Amin, *Op.cit.*, h. 69.)

<sup>2</sup>*Ibid*, h. 65,

<sup>3</sup>Muhammad ‘Abd al-Sattār, *al-Madrasah al-Salafiyyah*, h. 207.

mereka bukan bermaksud untuk membuang kaedah-kaedah tersebut yang terdapat dalam semua disiplin ilmu agama dan keduniaan.<sup>1</sup>

Pandangan kedua-dua tokoh pemikir Islam di atas menurut kacainata penulis adalah satu pandangan yang tepat kerana kesesatan yang berlaku hasil dari kegagalan seseorang mematuhi kaedah-kaedah *Mantiq* dalam berhujjah bukan satu alasan yang konkret untuk kita menolak *Mantiq* secara kolektifnya. Ini kerana kesilapan tersebut mungkin disebabkan oleh kecenderungan dan keghairahan mereka untuk menegakkan fikrah ketuhanan Greek yang dianggap betul oleh mereka walau pun dalam rangka menegakkan fikrah tersebut, mereka terpaksa mengorbankan kaedah-kaedah *Mantiq* itu sendiri tanpa disedari oleh mereka.

Hal ini menunjukkan kepada kita bahawa *Mantiq* yang merupakan satu alat berupa satu metod adalah tidak begitu sesuai untuk digunakan dalam membahaskan persoalan-persoalan yang berkait dengan ketuhanan atau persoalan-persoalan ghaib. Apatah lagi seseorang yang menggunakan sudah terpengaruh dengan fikrah-fikrah pemikiran yang tertentu. Ibn Khaldūn menegaskan di dalam *muqaddimahnya* bahawa pengetahuan tentang hal-hal ketuhanan dan Metafizik selamanya tidak akan dapat dicapai melalui penggunaan kaedah dan dalil-dalil *Mantiq*.<sup>2</sup> Walau bagaimana pun sekiranya seseorang mempunyai kepakaran yang tinggi tentang kaedah-kaedah *Mantiq*, tidak mudah terpengaruh dengan fikrah-fikrah yang tertentu dan ikhlas dalam

<sup>1</sup> Al-‘Aqqād, ‘Abbas Māhmūd, *Mawṣū‘ah ‘Abbas al-‘Aqqād*; Buhūth Islāmiyyah, Beirut, 1971, h. 859.

<sup>2</sup> Untuk keterangan lanjut tentang hujjah-hujjah beliau, lihat, Ibn Khaldūn, *Op.cit.*, h. 571.

menegakkan kebenaran, beliau sepatutnya digalakkan menggunakan kepakaran tersebut untuk tujuan menegakkan kebenaran dan mematahkan hujjah-hujjah kepalsuan.

#### **4.3.3.2. Peranan *Mantiq***

Sebelum kajian ini menghuraikan dengan lebih terperinci tentang peranan *Mantiq* menurut al-Ghazālī, perlu dinyatakan bahawa al-Ghazālī secara umumnya, mengiktiraf peranan utama *Mantiq* dalam mengawasi pemikiran manusia agar mereka dapat menghindarkan diri dari melakukan kesilapan dalam berfikir. Ketika memperkatakan tentang faedah atau kepentingan *Mantiq*, beliau antara lain menyatakan di dalam kitabnya "*Miṣyār*" bahawa "*faedahnya adalah untuk mengelakkan daripada penguasaan rasa dan hawa nafsu dan berpandu kepada penguasaan akal fikiran*".<sup>1</sup>

Menyentuh tentang peranan *Mantiq*, beliau menyatakan bahawa peraturan-peraturan *Mantiq* adalah bertujuan untuk membezakan antara *al-Had* dan *al-Qiyās* yang betul dari yang rosak agar terbeza antara ilmu yakin (*‘Ilm al-Yaqīn*) dan kejahanan. Ia seolah-olahnya berfungsi sebagai neraca ukuran bagi semua ilmu pengetahuan. Kepentingan ilmu pula menurut beliau, adalah untuk mencapai kebahagian abadi di akhirat kelak.<sup>2</sup>

Al-Ghazālī lebih cenderung melihat kaedah-kaedah *Mantiq* sebagai suatu neraca ukuran "*Miṣyār*" yang berperanan untuk mengukur antara pandangan-pandangan

<sup>1</sup> Al-Ghazālī, *Miṣyār*: h. 26.

<sup>2</sup> Al-Ghazālī, *Maqāsid*, h. 6.

yang benar dengan pandangan-pandangan yang melencung dari lunas-lunas kebenaran penghasilan karyanya yang terkenal iaitu "*Mi'yār al-'Ilm*" adalah sebenarnya merupakan antara usaha untuk mencapai matlamat tersebut.

Menurut beliau nisbah kedudukan *Mantiq*, sebagai satu ilmu timbangan (*'Ilm Mi'yāriyy*) terhadap dalil-dalil akal adalah sama dengan nisbah kedudukan *'Ilm al-'Aruḍ* terhadap sya'ir-sya'ir Arab dan sebagaimana nisbah kedudukan *'Ilm al-Nahw* terhadap *al-It'rāb*. Dalil-dalil yang betul dan palsu hanya akan dapat diketahui melalui neraca timbangan *Mantiq*, sebagaimana sya'ir-sya'ir yang baik dan yang telah terpelengong dari neraca ukurannya hanya akan dapat diketahui dengan neraca timbangan *al-'Aruḍ*, dan sebagaimana kesahihan dan kesilapan *al-It'rāb* yang hanya dapat dikesan melaui *'Ilm al-Nahw*.<sup>1</sup>

Pandangan al-Ghazālī berhubung dengan nisbah kedudukan *Mantiq* dalam lapangan ilmu pengetahuan ini sebenarnya telah diperkatakan oleh al-Fārābī, Ibn Sīnā dan juga al-Baghdādī. Al-Baghdādī menyatakan di dalam kitabnya *al-Mu'tabar* bahawa *Mantiq* adalah merupakan undang-undang untuk pengkajian dan juga merupakan timbangan (*al-'Aruḍ*) untuk fikiran manusia.<sup>2</sup>

Matlamat beliau untuk menjadikan *Mantiq* sebagai neraca ukuran dan timbangan bagi ilmu pengetahuan telah ditegaskan oleh beliau melalui ungkapan berikut:

<sup>1</sup>Al-Ghazālī, *Mi'yār*, h. 21.

<sup>2</sup>Al-Baghdādī, *Op.cit.*, h. 4.

"kami susun kitab ini untuk menjadi neraca ukuran (*Miṣyār*) bagi semua pemerhatian dan pengambilan pengajaran, menjadi neraca timbangan (*mizān*) bagi semua kajian dan pemikiran manusia, menjadi penggilap muda dan penggembelng kekuatan fikiran dan akal manusia"<sup>1</sup>

Selain daripada itu, al-*Għażali*, juga melihat bahawa *Mantiq* boleh memainkan peranan sebagai neraca timbangan "*Mīzān*" bagi ilmu pengetahuan. Neraca timbangan ini telah disifatkannya sebagai neraca timbangan kebenaran (*mawāzīn al-ḥaq*) atau neraca timbangan bagi *ma’rifah* yang sebenar. Dalam kajian beliau, beliau telah berjaya mengeluarkan terus neraca tersebut dari al-Quran. Neraca timbangan yang terdiri dari *mīzān al-Ta’ādul*, *mīzān al-Talāzum* atau qias syarat yang bersambung (*al-Qiyās al-Shariyy al-Muttaṣil*) dan *mīzān al-Ta’āmud* atau qias syarat yang berceraian (*al-Qiyās al-Shariyy al-Muṭayib*) ini, adalah bertepatan dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ulama-ulama *Mantiq*.<sup>2</sup>

Kesemua neraca timbangan kebenaran yang tidak bercanggah dengan akal manusia ini boleh digunakan untuk menimbang semua pernyataan yang berkait dengan urusan keagamaan (iaitu untuk menentukan samada sesuatu pernyataan tersebut selari dengan ajaran Islam atau pun sebaliknya).<sup>3</sup> Selain daripada itu, ia juga boleh digunakan untuk menimbang sesuatu pernyataan yang berkait dengan disiplin-disiplin ilmu seperti

<sup>1</sup> Al-*Għażali*, *Miṣyār*, h. 26.

<sup>2</sup> Mahmūd Qāsim, *Dirāsat*, h. 156.

<sup>3</sup> *Ibid*, h. 152.

Aritmetik, Geometri, Fizik dan sebagainya<sup>1</sup>. Beliau telah menghuraikan secara terperinci tentang neraca timbangan kebenaran tersebut di dalam kitabnya *al-Qistas al-Mustaqim*.<sup>2</sup>

Al-Imām al-Ghazālī berhujjah bahawa neraca timbangan kebenaran yang dianggapnya sebagai *al-Qistas al-Mustaqim*<sup>3</sup> ini, adalah rakan akrab kepada al-Quran al-Karīm sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Allah s.w.t. di dalam firmanNya:

لَقَدْ أَرَى سَنَاءُ رُسُلَّنَا بِالْبَيْتِ وَأَنْزَلَنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ  
وَالْمُهَاجَرَاتِ لِقَوْمَ النَّاسِ بِالْقَسْطِ<sup>4</sup>

terj: Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mu'jizat yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka kitab suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan.

Apa yang jelas kepada kita bahawa neraca timbangan kebenaran tersebut, walaupun ianya dikeluarkan daripada al-Quran, namun pada hakikatnya ia adalah qias-qias *Mantiq* yang mampu menghasilkan kesimpulan-kesimpulan yang boleh diyakini kesahihannya. Kita tidak menolak kemungkinan bahawa pengeluaran neraca tersebut adalah hasil dari pengetahuan dan pemahaman beliau terhadap metod *al-Qiyās* yang telah dibincangkan dalam *Mantiq* Greek. Ini kerana usaha ini tidak dilakukan oleh beliau

<sup>1</sup>Ibid.

<sup>2</sup>Untuk keterangan lanjut tentang neraca timbangan ini, lihat, al-Ghazālī, Abu Ḥamid, *al-Qistas al-Mustaqim*, dalam *Majmu'ah Rasa'il al-Imām al-Ghazālī*, Beirut, 1986, h. 12-42.

<sup>3</sup>Al-Ghazālī, *al-Qistas al-Mustaqim*, h. 8.

<sup>4</sup>Al-Hadid: 25.

kecuali pada akhir kurun kelima Hijrah iaitu selepas orang-orang Islam mula mempelajari dan mengkaji tentang *Mantiq Greek*.<sup>1</sup>

Bertitik tolak daripada fikrah inilah beliau telah mengeluarkan kenyataan yang lebih tegas dalam mukadimah *Mantiq* yang terdapat di dalam kitabnya "al-Mustasyfa" iaitu sesiapa yang tidak mengetahui tentangnya (mukadimah *Mantiq*), maka ilmunya tidak boleh dipercayai.<sup>2</sup> Ini adalah berasaskan kepada kedudukan *Mantiq* sebagai salah satu dari metod-metod kajian yang boleh menghasilkan keyakinan dalam semua cabang ilmu pengetahuan manusia. Walau bagaimanapun di peringkat akhir perjalanan hidupnya beliau menyedari bahawa dalam hal untuk mencapai *ma'rifah* dalaman atau batin, seseorang itu harus menggunakan cara *ma'rifah* yang telah dilalui oleh orang-orang sufi.<sup>3</sup>

#### 4.3.4. Ibn Hazm (m. 456 H/ 1063 M.)

Ibn Hazm<sup>4</sup> adalah merupakan seorang tokoh ulama yang amat terkenal di Andalus khasnya dan di Dunia Islam amnya. Beliau merupakan seorang tokoh ulama yang mempunyai pengetahuan yang amat luas tentang pelbagai disiplin ilmu agama dan

<sup>1</sup>Ma'jmūd Qāsim, *Dirāsāt*, h. 152.

<sup>2</sup>Al-*Għażali*, *al-Mustasyfa*, h. 7.

<sup>3</sup>Ilusayn Amin, *Op.cit.*, h. 64.

<sup>4</sup>Beliau ialah Abu Muhammād 'Alī ibn Alīmad ibn Sa'īd ibn Hazm al-Andalusiyy yang telah diperanakkan di bandar Cordova pada tahun 384 H/ 994 M. Ayahnya merupakan seorang menteri bagi al-Manṣūr Muḥammad ibn 'Abd Allāh ibn Abī 'Amīr dan juga anaknya al-Muẓaffar. Antara karya-karya beliau yang terkenal ialah *al-Ḥikam Li Uṣūl al-Alkām*, *al-Faqīh Fī al-Mīlād Wa al-Āhwal' Wa al-Nihāl*, *al-Taqrib Li Ḥad al-Mantiq Wa al-Mudkhal Ilayhi Bi al-Alfāz al-'Āmīyah Wa al-Amūhilah al-Fiqhīyyah*.

juga Falsafah<sup>1</sup>. Walau pun beliau seorang pendokong aliran mazhab *al-Zāhirīyy*<sup>2</sup>, iaitu aliran mazhab yang lebih meletakkan keutamaan kepada nas-nas syara' dalam soal pendakilan, namun beliau menunjukkan sikap yang terbuka dan positif terhadap disiplin-disiplin ilmu asing yang dipindahkan ke Andalus (Spanyol) pada zamannya, termasuk disiplin *Mantiq*.

Beliau telah mempelajari *Mantiq* daripada Muhammad bin al-Hasan al-Mazhājī yang lebih terkenal dengan gelaran Ibn al-Kannānī.<sup>3</sup> Setelah beliau mempelajari *Mantiq* daripada al-Kannānī, beliau kemudian berusaha sendiri menekuni disiplin tersebut dengan membaca dan mendalaminya secara bersungguh-sungguh.<sup>4</sup> Adalah tidak terlalu sukar baginya untuk mendalami disiplin ini di Andalus kerana di zamannya terdapat beberapa institusi pengajian yang menawarkan pengajian ilmu-ilmu akal seperti Falsafah dan juga *Mantiq*. Institusi yang terdapat di Cordova ini juga banyak dikunjungi oleh mahasiswa-mahasiswa yang beragama Yahudi dan Kristian.

Sikap beliau terhadap disiplin-disiplin ilmu yang bersumberkan kepada Falsafah adalah amat positif kerana beliau tidak melihat adanya percanggahan antara objektif Falsafah dan syariat. Ini kerana objektif Falsafah untuk mengislahikan jiwa

<sup>1</sup>Untuk keterangan lanjut tentang disiplin-disiplin ilmu yang dipelajari oleh beliau secara terperinci, lihat (Muhammad Abu Zuhrah, *Ibn Hazm; Hayatuh, Wa Ḳasruh, Ara'uh Wa fighuh*, Kaherah, 1954, h. 9.)

<sup>2</sup>Mazhab *al-Zāhirīyy* adalah satu aliran mazhab yang menerima bulat-bulat semua perkara yang telah dinyatakan oleh ayat-ayat al-Quran dan Hadith-hadith yang bolch dipercayai kebenarannya. Merkab yang mendokongi aliran mazhab ini tidak menta'wilkan sedikit pun ayat-ayat al-Quran dan Hadith-hadith tersebut. (penulis).

<sup>3</sup>Al-Suyūdī, ‘Abd al-Muta‘al, Dr., *al-Mujaddidūn Fi al-Islām*, Kaherah, t.t., h. 195. Lihat juga, Muhammad Abu Zuhrah, *Op.cit.*, h. 87.

<sup>4</sup>Muhammad Abū Zuhrah, *Ibid*.

manusia dengan cara mengamalkan akhlak-akhlak yang terpuji, tingkah laku yang baik, pengurusan rumah tangga dan rakyat yang baik, adalah juga merupakan objektif yang ingin dicapai oleh syariat Islam.<sup>1</sup> Kenyataan ini secara jelas menggambarkan sikap positif beliau terhadap disiplin-disiplin ilmu Falsafah secara kolektifnya termasuk *Mantiq*.

#### **4.3.4.1. Pandangan Secara *Unum*.**

Secara umumnya Ibn Hazm berpendapat bahawa disiplin *Mantiq* sebenarnya telah wujud dalam jiwa setiap individu yang mempunyai akal fikiran. Kalangan manusia yang cerdik akan mengerti tentang kepentingan ilmu ini kerana ia telah dikurniakan oleh Allah s.w.t. dengan kefahaman yang luas terhadap sesuatu. Sementara kalangan yang jahil pula, akan terus sentiasa teraba-raba (iaitu dalam mencari kefahaman tentang kepentingan *Mantiq*), sebagaimana orang yang buta yang perlu ditunjukkan kepadanya arah yang sepatutnya ia tuju.<sup>2</sup> Kenyataan yang dikeluarkan oleh beliau ini adalah bertujuan untuk menghilangkan keraguan orang ramai yang teragak-agak untuk mendekati *Mantiq* kerana para ulama *al-Salaf* tidak pernah memperkatakan tentang disiplin tersebut.

Ibn Hazm telah mengarang satu risalah terkenal dalam bidang *Mantiq* berjudul "al-Taqrīb Li Had al-Mantiq Wa al-Madkhāl Ilayhi Bi al-Alfāz al-Āmiyyah Wa al-

<sup>1</sup>Ibn Hazm, Abū Muḥammad, 'Alī ibn Aḥmad, *al-Faṣl Fī al-Mīlāt Wa al-Ahwā' Wa al-Nihāl*, Kaherah, j. 1, 1903, h. 94,

<sup>2</sup>Lihat, Ibn Hazm, Abū Muḥammad, 'Alī ibn Aḥmad, *al-Taqrīb Li Had al-Mantiq*, dalam, *Rasa'il Ibn Hazm al-Andalusīyy*, Beirut, j. 4, 1983, h. 94.

*Amthalah al-Fiqhiyyah*.<sup>1</sup> Tujuan beliau mengarang risalah ini menurut al-Ḥāmidī (m. 488 H./ 1095 M.), adalah untuk menjelaskan tentang *Mantiq* dan menghilangkan sangkaan-sangkaan buruk terhadapnya. langkah ini tidak pernah dilakukan oleh sesiapun sebelumnya sepanjang pengetahuan beliau.<sup>2</sup>

Menurut al-Qādī Ṣā'īd al-Andalūsiyy, seorang sejarawan yang sezaman dengan Ibn Ḥazm, berpendapat bahawa Ibn Ḥazm, melalui kitab ini cuba menjelaskan metod-metod ilmu pengetahuan dengan menggunakan contoh-contoh Fekah dan himpunan permasalahan-permasalahan syara'.<sup>3</sup> Menurutnya lagi, beliau telah membuat sanggahan terhadap sebahagian dari asas-asas *Mantiq* Aristotle. Tujuan beliau berbuat demikian adalah tidak diketahui oleh sesiapun. Sanggahan-sanggahan tersebut menyebabkan karya tersebut mengandungi banyak kesilapan.<sup>4</sup>

Melalui risalah ini, Ibn Ḥazm telah mengupas secara panjang lebar tentang *Mantiq* Aristotle dan telah berusaha mengadunkan *Mantiq* dengan Fekah Islam. Dalam hal ini beliau sentiasa memperingatkan betapa pentingnya *Mantiq* bagi seseorang yang ingin memahami bidang *al-Fiqh*.<sup>5</sup> Beliau telah menggunakan beberapa kaedah *Mantiq* dalam bidang kajian beliau bertujuan untuk menguatkan pandangan dan hujjah-hujjah

<sup>1</sup>Ṣā'īd al-Andalūsiyy, *Op.cit.*, h. 182. Lihat juga, 'Abd al-Karīm Khlālīfah, Dr., *Ibn Ḥazm al-Andalūsiyy : Hayatuh Wa Adabuh*, Beirut, t.t., h. 130.

<sup>2</sup>Al-Ḥāmidī, Abu 'Abd Allāh Muḥammad Ibn Fatūh, *Jadīwah al-Muqtābaṣ*, Kaherah, 1953, h. 291.

<sup>3</sup>Ṣā'īd al-Andalūsiyy, *Op.cit.*, h. 182.

<sup>4</sup>Ibid. Lihat juga, al-Qifī, *Op.cit.*, h. 156.

<sup>5</sup>Ḥamid Tāhir, *Op.cit.*, h. 165.

beliau dalam mengulas tentang persoalan-persoalan yang berkait dengan urusan keagamaan.<sup>1</sup>

Terdapat juga para sarjana Islam yang menyatakan bahawa unsur-unsur *Mantiq* Aristotle yang terdapat dalam kajian-kajian Ibn Hazm samada yang berkait dengan bidang akidah atau pun syari'at Islam adalah sama sebagaimana yang terdapat dalam *al-Risalah* karya al-Imam al-Shafī'i.<sup>2</sup> Pendapat ini menurut pandangan penulis adalah kurang tepat kerana unsur-unsur *Mantiq* yang terdapat di dalam *al-Risalah* adalah sebenarnya bukan diceduk daripada *Mantiq* Greek, tetapi *Mantiq* yang dihasilkan oleh beliau sendiri kerana beliau pintar menyusun kronologi penulisan dan menggunakan gaya bahasa yang baik sehingga unsur-unsur tersebut dianggap oleh sesetengah sarjana sebagai *Mantiq* Aristotle kerana terdapatnya unsur-unsur persamaan antara kedua-dua *Mantiq* tersebut.

Al-Nashshār juga secara tegas menolak pandangan sesetengah sarjana yang menyatakan bahawa unsur-unsur *Mantiq* yang terdapat dalam *al-Risalah* adalah *Mantiq* Aristotle.<sup>3</sup> Adalah tidak logik seandainya karya kedua-dua mereka mempunyai unsur-unsur yang sama sedangkan kita sedia maklum bahawa kedua-dua tokoh ulama tersebut mempunyai tanggapan yang berbeza terhadap *Mantiq* Greek. Al-Imām al-Shafī'i jelas

<sup>1</sup>Muhammad Ḥabīb al-Sattār, *al-Mudrasah al-Sufiyyah*, h. 181.

<sup>2</sup>Muhammad Faṭīḥ Ūlīmān, *Op.cit.*, h. 161.

<sup>3</sup>untuk keterangan lanjut tentang hujjah-hujjah yang telah dikemukakan oleh beliau bagi menafikan *al-Risalah* terpengaruh dengan *Mantiq* Greek, lihat, al-Nashshār, *Mantiq al-Bulhān*, h.84-86, ‘Ulīmān Amin, *Op.cit.*, h. 608-609.

menolak *Mantiq* Aristotle sedangkan al-Imām Ibn Ḥazm ternyata mengaku-alukan kehadiran warisan pemikiran Greek tersebut ke Dunia Islam.

Beliau agak melampau apabila mengeluarkan kenyataan berani didalam karyanya "*al-Taqrīb*" bahawa kejahanan seseorang tentang *Mantiq* akan menyebabkan seseorang itu gagal memahami susunan *kalām* Allah dan juga perkataan RasulNya. Kegagalan memahami kedua-duanya akan menyebabkan individu tersebut gagal membezakan antara kejahanan dan kebenaran, di samping menyulitkannya untuk memahami agamanya kecuali melalui cara taklid yang tentu sekali merupakan satu amalan yang tercela.<sup>1</sup> Kenyataan ini adalah agak keterlaluan kerana agama selamanya tidak pernah tertakluk kepada kaedah-kaedah *Mantiq*. Tambahan pula di sana terdapat banyak perkara yang terdapat dalam ajaran Islam yang tidak boleh dijustifikasi oleh akal manusia walaupun ianya tetap merupakan satu kebenaran yang mutlak.

Adalah dipercayai bahawa antara faktor yang mendorong beliau mengeluarkan kenyataan sedemikian ialah untuk melahirkan perasaan tidak puas hati beliau terhadap penolakan secara mutlak golongan *fiqahā'* terhadap semua disiplin ilmu orang-orang terdahulu (*'Ulūm al-Awā'il*) yang tersebar ke Dunia Islam, tanpa berlandaskan kepada suatu asas atau hujjah yang kuat menurut pandangannya, iaitu hujjah yang mampu mendedahkan kepada masyarakat umum kesilapan dan kebenaran yang terdapat di dalam *Mantiq* serta menjelaskan kepada mereka tentang bahaya *Mantiq* ke atas agama sekiranya bahaya tersebut memang terdapat di dalamnya. Memang diakui bahawa pada

---

<sup>1</sup>Ibn Ḥazm, *al-Taqrīb*, h. 95.

hakikatnya penolakan dan kritikan ulama Islam terhadap *Mantiq* secara ilmiah dan bermetod hanya dilakukan oleh Ibn Taymiyyah yang muncul pada kurun kelapan hijrah.

Ibn Hazm telah membahagikan kalangan yang membuat tanggapan terhadap *Mantiq* Greek kepada empat golongan seperti berikut:<sup>1</sup>

- 1) Golongan yang berpendapat bahawa kitab-kitab *Mantiq* mengandungi unsur-unsur kekufuran dan unsur-unsur yang boleh menjerumuskan manusia ke lembah atheisme (*al-Iḥād*). Golongan ini sebenarnya tidak memahami tentang maksud dan pengertian *Mantiq* yang sebenar. Amalan golongan ini adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah s.w.t. melalui firmanNya:

وَلَا تَنْقُضُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ  
أُولَئِكَ كَانُوا عَنْهُ مُسْتَوْلِينَ<sup>(٤)</sup>

terj: " Dan janganlah engkau mengikuti apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya."

- 2) Golongan yang menganggap bahawa kitab-kitab *Mantiq* mengandungi kata-kata karut, sedangkan mereka tidak mengkaji tentang kitab-kitab tersebut dan menyelami hakikatnya yang sebenar.

<sup>1</sup>*Ibid*, h. 98-100.

<sup>2</sup>Al-Isrā': 36.

- 3) Golongan yang membaca kitab-kitab tersebut dalam keadaan fikirannya telah dipengaruhi oleh sesuatu, hawa nafsunya sakit dan mata hatinya tidak berada dalam keadaan sejahtera. Kondisi-kondisi tersebut menyebabkan mereka teraba-raba dalam memahami maksudnya yang sebenar.
- 4) Golongan yang meneliti isi kandungan kitab-kitab tersebut dengan hati yang bersih, fikiran yang tidak dipengaruhi oleh apa-apa kecenderungan serta akal yang sejahtera. Keadaan ini membolehkan mereka mengeluarkan faedah-faedah yang terdapat di dalamnya serta memahami tujuannya yang sebenar. Golongan inilah yang akan mendapat pedoman daripada kitab-kitab tersebut.

Beliau berharap agar risalah "*al-Taqrīb*" karangannya boleh membantu golongan yang terakhir dan menjadi pertunjuk kepada golongan-golongan yang lain.<sup>1</sup> Beliau juga menganggap bahawa risalahnya bukan sahaja penting untuk satu ilmu yang tertentu sahaja, tetapi juga penting untuk semua lapangan ilmu pengetahuan. Kepentingannya yang paling utama ialah untuk membantu seseorang memahami tentang al-Quran dan al-hadith. Ia juga boleh dimanfaatkan untuk tujuan pengeluaran fatwa tentang hukum hakam, iaitu samada sesuatu perkara itu halal, haram, wajib ataupun makruh.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Ibn Hazin, *al-Taqrīb*, h. 100.

<sup>2</sup>*Ibid*, h. 102.

#### **4.3.4.2. Peranan *Mantiq*.**

Penelitian terhadap beberapa karya beliau membuktikan bahawa beliau sebenarnya amat kagum dengan kaedah-kaedah *Mantiq* yang telah diperkenalkan oleh Aristotle. Ini kerana kaedah-kaedah tersebut mempunyai banyak kegunaan dan memainkan peranan yang penting dalam bidang ilmu pengetahuan. Lantaran itulah kita dapati bahawa beliau banyak memuji karya-karya *Mantiq* Aristotle. Beliau antara lain menegaskan bahawa karya-karya yang ditulis oleh Aristotle berkenaan dengan definisi-definisi pertuturan (*hudūd al-Kalām*) adalah betul, bermanfaat serta menjuruskan ke arah pengakuan tentang keesaan Allah s.w.t. kekuasaanNya. Ia juga mempunyai banyak faedah kerana ia membolehkan seseorang mengkritik terhadap semua lapangan ilmu pengetahuan.<sup>1</sup>

Untuk kepentingan hukum-hukum syara<sup>4</sup> pula, beliau antara lain menjelaskan bahawa ia juga boleh membantu menjelaskan bagaimana untuk mengeluarkan sesuatu kesimpulan, bagaimana untuk mengambil sesuatu lafaz berdasarkan pengertiannya yang sebenar, bagaimana untuk mengenali *al-Khas* daripada *al-'Ām*, bagaimana untuk mengenali *al-Mujmal* daripada *al-Muṭassir*, bagaimana untuk mengenali susunan lafaz-lafaz, dan seterusnya bagaimana untuk mengemukakan mukadimah-mukadimah dan mengeluarkan kesimpulan-kesimpulan. Ia juga menjelaskan tentang beberapa perkara yang perlu diketahui oleh seseorang mujtahid.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Ibn Hazm, *al-Faṣl*, h. 95.

<sup>2</sup>*Ibid.*

#### **4.3.5. Ibn Rushd (m. 595 H./ 1198 M.)**

Ibn Rushd merupakan salah seorang tokoh Falsafah Islam yang telah memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan pemikiran Islam dan penyebaran Falsafah Greek di Andalus, selain daripada Ibn Hazm, Ibn Bajah dan juga Ibn Tufayl. Beliau juga merupakan seorang tokoh pemikir Falsafah Islam Andalus yang paling popular di Barat dan juga Timur<sup>1</sup> serta paling banyak mempengaruhi pemikiran masyarakat Eropah.<sup>2</sup> Ibn Rushd amat menyanjungi Aristotle dan meminati Falsafahnya. Beliau juga dikatakan telah bertaqlid kepadanya secara membabibuta.<sup>3</sup>

Menurut Dr. Muhammad Baysar, Ibn Rushd tidak menghormati seorang pun tokoh Falsafah Greek selain dari Aristotle, samada tokoh-tokoh Falsafah sebelumnya ataupun selepasnya. Walau bagaimanapun, beliau juga telah terpengaruh dengan pemikiran tokoh-tokoh Falsafah yang lain selain daripada Aristotle. Kekaguman beliau terhadap Aristotle adalah agak keterlaluan. Ini terbukti melalui ungkapan kata-katanya yang terdapat dalam mukadimah kitab "*al-Tabi'iyyat*" dan beberapa tempat dalam "*Tahafut al-Tahafut*".<sup>4</sup>

##### **4.3.5.1. Pandangan Secara Umum**

Umum mengetahui bahawa Ibn Rushd merupakan seorang tokoh Falsafah Islam yang amat kagum terhadap pemikiran Aristotle, termasuk *Mantiq* beliau. Walau

<sup>1</sup>Mustafa al-Shak'ah, Dr., *al-Mutala'at al-Islamiyyah Fi al-'Aqidah Wa al-Fikr*, Kaherah, 1983, h. 289.

<sup>2</sup>Umar Farrukh, Dr., *Tarikh al-Fikr al-'Arabiyya Ila Ayyan Ibn Khaldun*, Beirut, 1981, h. 648.

<sup>3</sup>Abd Rahman Badawi, Dr., *Muquddimah Ibn Sab'in*, Kaherah, 1965, h. 13.

<sup>4</sup>Muhammad Baysar, Dr. *Falsafah Ibn Rushd; al-Wujud Wa al-Khalud*, Kaherah, t.t., h. 46.

bagaimana pun, dalam bidang *Mantiq*, beliau tidak meninggalkan kepada kita satu karya khusus beliau berhubung dengan disiplin *Mantiq*, melainkan ulasan beliau terhadap *Organon*, karya rujukan utama *Mantiq* Aristotle yang amat popular di kalangan umat Islam setelah disiplin ini berkembang ke Dunia Islam. Karya Aristotle tersebut sebenarnya telah diulas oleh beberapa orang tokoh Falsafah Islam sebelumnya seperti al-Farabi dan juga Ibn Sina.

Untuk memahami sikap beliau terhadap *Mantiq* secara umumnya, penulis telah membuat penelitian terhadap karya-karya yang ditulis oleh para sejarawan dan tokoh-tokoh Falsafah Islam yang membincangkan tentang sikap beliau terhadap disiplin ini secara khususnya. Selain daripada itu, penelitian juga dibuat terhadap karya beliau sendiri yang ada menyentuh tentang disiplin *Mantiq* seperti kitabnya "*Faṣl al-Maqād*".

Ibn Rushd telah menunjukkan sikap terbuka dan positif terhadap semua cabang disiplin Falsafah Greek secara kolektifnya. Beliau berpendapat bahawa tujuan syara' iaitu memperjelaskan tentang ilmu yang benar (*al-'Ilm al-Haq*) seperti mengenali Allah s.w.t., mengetahui *mawjudat* (benda-benda yang wujud) sebagaimana ianya wujud, juga mengetahui tentang kebahagian dan kekecewaan abadi di akhirat kelak serta menyatakan amalan yang benar (*al-'Amal al-Haq*) seperti melaksanakan amalan-amalan yang boleh membahagiakan seseorang dan menghindari amalan yang boleh menjerumuskan seseorang ke lembah kekecewaan adalah sama dan bertepatan dengan tujuan Falsafah.<sup>1</sup> Walaupun persamaan yang dimaksudkan oleh beliau adalah tidak sebagaimana yang

<sup>1</sup>Ibn Rushd, Abu al-Walid, Muhammad Ibn Ahmad, *Faṣl al-Maqād Bayn al-Shari'ah Wa al-Hikmah Min al-Ittiṣāl*, Kaherah, 1935, h. 28. Lihat juga, Muṣṭafā 'Abd al-Rāziq, *Op.cit.*, h. 77-78.

dimaksudkan oleh Ibn Hazm, namun kedua-duanya mengharapkan agar kebahagian abadi dapat dicapai melalui ilmu yang benar dan amalan yang benar.<sup>1</sup>

Ketika mengulas tentang kitab "*al-Tabi'iyyat*", karangan Aristotle, beliau antara lain menyatakan bahawa pengarang kitab tersebut ialah Aristotle bin Nicomacus, rakyat Greek yang paling cerdik, mempunyai kebijaksanaan yang tinggi, pengarang bagi disiplin-disiplin *Mantiq*, Fizik dan Metafizik serta bertanggung jawab menyempurna dan melengkapkan ilmu-ilmu tersebut. Ia dianggap sebagai "pengarang" bagi ilmu-ilmu tersebut kerana karya-karya lain yang ditulis berkaitan dengan disiplin-disiplin ilmu tersebut tidak setanding dengan kitab-kitab karangan beliau. Ia dianggap "penyempurna" kerana ahli-ahli Falsafah yang muncul selepasnya, bermula dari zaman tersebut sehingga kini (zaman Ibn Rushd), tidak berupaya untuk menokotambah terhadap apa yang telah ditulisnya dan tidak mendapati wujudnya sebarang kesilapan di dalam karya-karya yang telah dihasilkannya.<sup>2</sup>

Beliau sekurang-kurangnya, telah meletakkan kedudukan *Mantiq* setanding dengan kedudukan disiplin-disiplin ilmu yang lain, kalau pun tidak lebih dari tahap tersebut. Ini kerana *Mantiq*, menurutnya adalah manhaj bagi ilmu-ilmu tersebut dan wasilah yang betul bagi mencapai pengetahuan tentang maklumat-maklumat boleh diyakini kesahihannya yang terdapat di dalam disiplin-disiplin ilmu tersebut. Ketaksuban beliau terhadap *Mantiq* Aristotle terserlah apabila ia secara terbuka menegaskan bahawa sesuatu kebahagian tidak akan dapat dikecapi oleh seseorang

<sup>1</sup>Muṣṭafā ḤAbd al-Raziq, *Ibid*, h. 78.

<sup>2</sup>Muhammad ḤAbd al-Sattār, *al-Madrasah al-Salafiyah*, h. 248.

sekiranya ia tidak mengetahui tentang *Mantiq*. Menurutnya lagi, amatlah malang bagi Plato dan Socrates kerana kedua-duanya tidak mengetahui tentang *Mantiq*.<sup>1</sup>

Penulis berpendapat bahawa kenyataan di atas adalah agak keterlaluan dan menggambarkan ketaksuban beliau yang begitu kuat terhadap Aristotle. Ini kerana walaupun Plato dan Socrates tidak mengarang *Mantiq* sebagaimana yang telah dilakukan oleh Aristotle, namun kedua-duanya telah memperkatakan tentang beberapa asas-asas *Mantiq* seperti *al-Had* dan *al-Qiyās*, ketika mereka membincangkan teori Epistemologi (*Nazariyyah al-Ma‘rifah*) dan juga teori Idealisme (*Nazariyyah al-Fayd*).

Terdapat bukti-bukti yang kukuh yang menunjukkan bahawa Aristotle sebenarnya telah terpengaruh dengan beberapa asas *Mantiq* yang telahpun diperkatakan oleh tokoh-tokoh Falsafah sebelumnya, termasuk tokoh-tokoh Falsafah dari aliran Sofist Socrates dan juga Plato. Dr. Mahmūd Qāsim berpendapat bahawa adalah agak melampau scandainya kita menganggap bahawa disiplin *Mantiq* secara kolektifnya dihasilkan oleh Aristotle kerana usaha yang telah dilakukan oleh Aristotle dalam bidang *Mantiq* hanyalah penamat bagi kesinambungan usaha yang telah dirintis oleh tokoh-tokoh Falsafah sebelumnya dan permulaan bagi usaha pengkajian *Mantiq* secara shakliyy di zaman kini.<sup>2</sup>

Ibn Rushd seterusnya berpendapat bahawa tahap kebahagian seseorang adalah tertakluk kepada sejauh mana seseorang itu mengetahui tentang *Mantiq*. Ini kerana

<sup>1</sup>De Boer, T.J., *Tarīkh al-Falsafah Fi'l Islām*, Kaherah, 1948, h. 257.

<sup>2</sup>Mahmūd Qāsim, *al-Mantiq al-Hadīth*; h. 13

*Mantiq* merintis jalan ke arah peningkatan pengetahuan kita dari tahap hanya mengetahui tentang maklumat-maklumat *juz'iy* yang mampu dicapai oleh pancaindera manusia kepada tahap mengetahui tentang hakikat mutlak yang wujud dalam akal manusia. Orang-orang awam yang tidak mengetahui tentang *Mantiq*, selamanya akan bergantung kepada maklumat-maklumat yang dicapai oleh pancaindera semata-mata dan selamanya mereka akan berada dalam kesesatan.<sup>1</sup>

Walaupun Ibn Rushd, secara terbuka menerima *Mantiq*, namun beliau telah menggariskan dua syarat utama yang perlu ada pada diri seseorang yang ingin mempelajari *Mantiq*, iaitu<sup>2</sup>:

- 1) memiliki fitrah semulajadi yang suci.
- 2) mempunyai sifat *al-'adalah* dari segi syarak dan berakhlik dengan akhlak yang mulia.

Kedua-dua syarat di atas sebenarnya telah dinyatakan secara oleh pengarang kitab "*al-Sullam*" melalui dua rangkaikata puisinya yang popular seperti berikut:

والقوله المشهوره الصحيحه \* جوازه لکامل القریحة  
مارس السنة والکتاب \* ليهتدی به إلى الصواب

terj: Pendapat yang masyhur lagi sahinya ialah harus mempelajari *Mantiq* bagi mereka yang memiliki fitrah yang sempurna dan melaksanakan ajaran *al-Sunnah* dan *al-Quran* agar ia memperolehi hidayah bagi menuju ke jalan kebenaran.<sup>3</sup>

<sup>1</sup>De Boer, *Op.cit.*, h. 257.

<sup>2</sup>Ibn Rushd, *Fayl al-Maqâl*, h. 4

<sup>3</sup>Al-Bâjûrî, Ibrâhîm ibn Muhammâd, *Hašîyah al-Bâjûrî 'Alâ Ma'ni al-Sullam*, Kaherah, 1976, h. 16.

#### **4.3.5.2. Peranan *Mantiq***

Menurut Ibn Rushd, *Mantiq* memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Dalam menghuraikan tentang peranan tersebut, beliau berhujjah menyatakan bahawa terdapat dalil-dalil syarak yang mewajibkan manusia supaya melihat dan memikirkan tentang *mawjudat* di atas muka bumi ini,<sup>1</sup> iaitu dengan cara menggunakan akal yang telah dikurniakan oleh Allah s.w.t. agar mereka dapat mengambil pelajaran daripadanya. Maksud "mengambil pelajaran" (*al-Itibār*) yang terdapat di dalam nas al-Quran, ialah mengeluarkan kesimpulan-kesimpulan yang belum diketahui oleh seseorang melalui perantaraan maklumat (iaitu yang terdapat di dalam mukadimah-mukadimah) yang telah pun diketahui oleh mereka. Hakikat inilah yang dimaksudkan dengan *al-Qiyās*. Justeru itu, kita sepatutnya memerhatikan tentang *mawjudat* dengan menggunakan qias akal, sebagaimana yang dituntut oleh syarak agar kita dapat mengambil pelajaran daripadanya.<sup>2</sup>

Pemerhatian (*al-Nazar*) yang paling lengkap pula ialah dengan menggunakan jenis qias yang paling sempurna yang dinamakan *al-Burhān*. Sekiranya syarak menggalakkan seseorang agar mengenal Allah s.w.t dan memikirkan tentang *mawjudat*nya dengan menggunakan *al-Burhān*, maka seseorang itu perlu mengetahui terlebih dahulu tentang jenis-jenis, syarat-syarat, dan perbezaan *al-Burhān* dengan *al-Qiyās al-Jadaliyy*, *al-Qiyās al-Khiṭabīyy* dan juga *al-Qiyās al-Mughālitīyy*.<sup>3</sup> Begitulah

<sup>1</sup>Antaranya ialah firman Allah s.w.t. yang bermaksud "*Maka ambillah pelajaran wahai orang-orang yang berakal fikiran serta celik mata hatinya*" (al-Hasyr : 2 ) dan firmanNya yang bermaksud "*Patutkah mereka (membutakan mata) tidak mahu memperhatikan alam langit dan bumi dan segala yang diciptakan oleh Allah.*" (al-A'raf: 185 ).

<sup>2</sup>Ibn Rushd, *Faṣl al-Maqād*, h. 3

<sup>3</sup>*Ibid*

seterusnya dengan perkara-perkara lain yang ada kaitan dengannya. Kenyataan beliau ini menggambarkan kepada kita betapa pentingnya peranan *Mantiq* dalam kehidupan seseorang muslim menurut pandangan beliau.

Memandangkan qias akal (*al-Qiyās al-‘Aqliyy*) adalah sesuatu yang diwajibkan menurut pandangan Ibn Rushd, maka sudah tentu usaha mempelajari *Mantiq* juga adalah diwajibkan. Beliau menolak pandangan yang menyatakan bahawa usaha mempelajari *Mantiq* adalah satu bid'ah kerana tidak terdapat bukti yang konkret menunjukkan bahawa para sahabat r.<sup>4</sup>a. memperkatakan tentang *Mantiq* di zaman mereka. Untuk menyanggah pandangan tersebut, beliau menyatakan bahawa walaupun para sahabat r.<sup>4</sup>a. tidak pernah memperkatakan tentang disiplin *Mantiq*, ianya tidak bererti penghujahan qias akal (iaitu yang berasaskan kepada *Mantiq* Greek) harus ditolak kerana alasan tersebut. Ini kerana para ulama telah bersepakat tentang kesahihan penghujahan qias feqah (*al-Qiyās al-Fiqhiyy*) walaupun ianya hanya baru dikeluarkan oleh para ulama selepas zaman para sahabat r.<sup>4</sup>a. Justeru itu penggunaan qias akal adalah sah berdasarkan kepada sahnya penggunaan qias fekah dalam pemikiran Islam.<sup>1</sup>

#### **4.3.6. Ulasan Terhadap Sikap Golongan Yang Menerima *Mantiq*.**

Setelah kita meneliti tentang hujjah-hujjah yang telah dinyatakan oleh beberapa orang tokoh ulama Islam yang menerima *Mantiq* di atas, maka kita boleh merumuskan bahawa secara umumnya mereka tidak keberatan, bahkan amat berbangga menerima *Mantiq* sebagai satu disiplin ilmu yang bolch digunakan untuk mengawasi pemikiran

---

<sup>1</sup>*Ibid.*

manusia dari melakukan kesilapan dan kesalahan, membezakan antara pandangan-pandangan yang benar dan batil, dan membantu individu muslim memahami tentang al-Quran dan al-Sunnah. Mereka juga menganggap bahawa disiplin ini adalah tidak sedikitpun bercanggah dengan ajaran Islam kerana dalam aspek-aspek yang tertentu, terdapat beberapa titik persamaan antara kedua-duanya.

Walau bagaimana pun, kita dapati terdapat sedikit perbezaan sikap di kalangan mereka dalam menanggapi disiplin ini. al-Fārābī, umpamanya telah menanggapi *Mantiq* sebagai satu *yinā‘ah* yang boleh digunakan untuk memperbetulkan pemikiran manusia, di mana penggunaan kaedah-kaedah *Mantiq* dalam bidang pemikiran menurutnya, boleh melahirkan kekuatan dan kesempurnaan pada jiwa manusia.

Menurut al-Fārābī, Peranan *Mantiq* dalam memperbetulkan pemikiran manusia adalah sama dengan peranan ‘Ilm al-Nahw dan al-‘Arūd dalam memperbetulkan pertuturan manusia dan juga sya ir sya ir Arab agar ianya selari dengan kaedah-kaedah tatabahasa dan kesusaseraan Arab yang diperakui. Peranan inilah yang mendorong beliau untuk meletakkan *Mantiq* setaraf dengan ‘Ilm al-Nahw dan ‘Ilm al-‘Arūd dalam lapangan ilmu pengetahuan. Pandangan beliau dari sudut ini adalah jelas secocok dengan pandangan Ibn Sīnā dan juga al-Ghazālī yang muncul selepas kepergiannya.

Ibn Sīnā pula, walaupun sepandapat dengan al-Fārābī berhubung dengan fungsi *Mantiq* dalam mengawasi pemikiran manusia dan nisbah kedudukannya dengan disiplin-disiplin ilmu yang lain, namun beliau lebih cenderung melihat *Mantiq* sebagai

satu alat berupa kaedah-kaedah berfikir yang sekiranya dipatuhi, selamanya manusia tidak akan tersilap dalam membezakan antara kebenaran dan kesalahan yang terdapat dalam persoalan-persoalan *al-Taṣawwurāt* dan *al-Taṣdiqāt*. Pandangan beliau ini adalah amat secocok dengan pandangan Aristotle sendiri yang menganggap *Mantiq* sebagai alat bagi ilmu-ilmu berbentuk teori.

Sementara al-Imām al-Għażali pula, ia lebih cenderung untuk menanggapi *Mantiq* sebagai satu neraca ukuran (*Miyyar*) atau neraca timbangan (*Mizān*) bagi mengukur sejauh mana sesuatu pendapat yang dikemukakan oleh seseorang itu bertepatan dengan prinsip-prinsip kebenaran atau pun sebaliknya. Ia berfungsi menentukan pemikiran yang betul ataupun yang rosak. Dalam pada itu beliau juga mengingatkan umat Islam agar berwaspada dengan penggunaan atau pemakaian kaedah-kaedah *Mantiq* yang tidak berlandaskan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh para ulama *Mantiq*. Kegagalan seseorang mematuhi kaedah-kaedah tersebut boleh menjerumuskan ke lembah kesesatan dan kekufturan, sebagaimana yang terjadi kepada ahli-ahli Falsafah Islam.

Walau bagaimanapun, beliau yang pada peringkat akhir kehidupannya kelihatan lebih cenderung untuk menggunakan jalan yang telah dirintis oleh ahli-ahli sufi bagi mencari *ma'rifah* yang sebenar, telah merendahkan nilai *Mantiq* dari sudut praktikal atau gunaannya. Ini kerana *Mantiq*, di atas sifatnya sebagai satu alat yang berupa metod gunaan, mungkin akan membahayakan umat Islam seandainya kaedah-kaedahnya tidak digunakan dengan cara yang betul dan tepat.

Ibn Ḥazm, pula yang berpendapat bahawa tujuan syari'at dan Falsafah tidak bercanggahan antara satu sama lain, lebih cenderung untuk menjadikan *Mantiq* sebagai satu disiplin ilmu yang boleh dimanfaatkan oleh umat Islam bagi maksud memahami tentang al-Quran dan al-Ḥadīth, mengeluarkan hukum-hukum *sharā'* daripada nas kedua-duanya serta untuk tujuan mengeluarkan fatwa berhubung dengan sesuatu perkara. Sikap beliau ini adalah jelas berbeza dengan sikap yang telah diambil oleh sebahagian besar para ulama Islam khususnya golongan *fūqāhā'* di zaman tersebut yang secara terbuka menentang semua disiplin ilmu asing, termasuk *Mantiq*.

Sikap Ibn Ḥazm ini adalah hampir selari dengan sikap Ibn Rushd yang berpendapat bahawa tujuan Falsafah dan syari'at adalah sama. Beliau berpendapat bahawa *Mantiq* boleh membantu seseorang individu muslim untuk mengeluarkan mutiara-mutiara berguna yang tersimpan atau terselindung di sebalik benda-benda yang telah diciptakan oleh Allah s.w.t. Walaupun Ibn Rushd amat mengagumi disiplin ilmu susunan Aristotle ini, namun beliau juga menetapkan bahawa bukan setiap orang layak untuk mendekatinya. Hanya kalangan individu yang memiliki fitrah yang suci serta keperibadian yang luhur sahaja layak untuk mempelajari disiplin tersebut.

#### **4.4. GOLONGAN YANG MENOLAK *MANTIQ*.**

Setelah dibentangkan tentang sikap beberapa orang tokoh ulama yang menerima *Mantiq* beserta dengan hujjah-hujjah mereka, perbincangan seterusnya akan difokuskan kepada sikap beberapa orang tokoh ulama yang menolak dan menentang penyerapan pengaruh *Mantiq* dalam pemikiran Islam. Umum mengetahuai bahawa

kemasukan *Mantiq* ke Dunia Islam telah mendapat tentangan hebat dari sebahagian besar para ulama yang masih berpegang kuat dengan ajaran al-Quran dan al-Sunnah sebagaimana yang dipegang oleh para sahabat r.<sup>t</sup>a. Mereka tidak bersedia menerima disiplin-disiplin ilmu Falsafah yang dipindahkan ke Dunia Islam. Usaha menterjemahkan disiplin-disiplin ilmu asing tersebut ke dalam bahasa Arab dilihat oleh mereka sebagai satu perkara *bid'ah* yang boleh merosakkan agama dan pemikiran umat Islam.

Penyebaran *Mantiq* dalam masyarakat Islam telah ditentang hebat oleh kebanyakan ulama *al-Salaf* dan kalangan ulama Islam terkenudian yang sealiran dengan pemikiran mereka. penentangan yang pada awalnya dilahirkan dalam bentuk pengeluaran fatwa-fatwa yang mengharamkan umat Islam mendekati *Mantiq* Aristotle ini, telah sampai kepada kemuncaknya apabila munculnya Ibn Taymiyyah. Beliau yang memperjuangkan aliran pemikiran *al-Salafiyah* amat lantang mengkritik *Mantiq* Aristotle. Selain dari berjaya mengkritik *Mantiq* Greek secara ilmiah dan bermetod, beliau juga berjaya menawarkan alternatif *Mantiq* Islam bagi menggantikan *Mantiq* usang Aristotle kepada umat Islam.

Untuk melihat dengan lebih dekat tentang sikap golongan yang menolak *Mantiq* di Dunia Islam, kajian ini akan memilih beberapa orang tokoh ulama Islam yang lantang menentang kehadiran *Mantiq* ke Dunia Islam. Mereka ialah al-Imām al-Shāfi‘ī, Ibn al-Šalāḥ, al-Imām al-Nawawī, Ibn Taymiyyah, Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah dan al-Imām al-Suyūṭī. Kesemua mereka telah mengharamkan disiplin *Mantiq*.<sup>1</sup> Pandangan

<sup>1</sup>Ibn al-‘Imād, *Shadharat al-Dhidihib*, j. 2, h. 354.

tokoh-tokoh ulama ini adalah menggambarkan pandangan keseluruhan golongan yang menolak disiplin ini secara umumnya dan mengkritik penyerapan pengaruhnya dalam pemikiran Islam. Huraian tentang sikap tokoh-tokoh yang dipilih di atas kemudian akan disusuli oleh ulasan penulis terhadap pemikiran mereka.

Sebelum daripada itu, perlu dinyatakan juga di sini bahawa selain daripada tokoh-tokoh ulama di atas, terdapat juga kalangan ulama bahasa yang menolak disiplin *Mantiq*. Antara mereka ialah Ibn Qutaybah (m. 276 H./ 889 M.) melaui mukadimah kitabnya "adab al-Kātib",<sup>1</sup> Ibn al-Athīr melalui kitabnya "al-Muṭhal al-Sā'ir",<sup>2</sup> al-Buhturi (m. 284 H./ 897 M.) melalui karyanya "Dīwān al-Buhturi"<sup>3</sup> dan Abu Sa'īd al-Sayrafi al-Nahwī melalui ucapannya ketika berdebat dengan Abu Bishr Matta Ibn Yūnus, seorang tokoh *Mantiq* beragama Kristian yang terkenal.<sup>4</sup>

#### 4.4.1. Al-Imām al-Shāfi'i (m. 204./ 820 M.)

Umum mengetahui bahawa sebahagian besar dari kalangan tokoh-tokoh ulama *al-Salaf* yang masih berpegang kuat dengan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber

<sup>1</sup>Untuk keterangan lanjut, lihat, Ibn Qutaybah, Abu Muḥammad ‘Abd Allāh Ibn Muslim Ibn Qutaybah, *Adab al-Kātib*, Leiden, 1900, h. 5-7.

<sup>2</sup>Lihat, Ibn al-Athīr, Dhiyā' al-Dīn Ibn al-Athīr, *al-Muṭhal al-Sā'ir Fi Adab al-Kātib Wa al-Shā'ir*, Riyad, j. 2, 1983, h. 7-10.

<sup>3</sup>Lihat, Al-Buhturi, Abu ‘Ubādah, al-Walīd Ibn ‘Ubayd, *Dīwān al-Buhturi*, Beirut, j. 1, 1962, h. 233-234.

<sup>4</sup>Perdebatan ini telah diadakan dalam suatu majlis yang telah dihadiri oleh menteri Abu al-Faṭḥ al-Fadl Ibn Ja’far Ibn al-Furat dan juga para ulama Islam dan tokoh-tokoh Falsafah terkenal pada zaman tersebut. Abu Sa’īd menolak pendapat Matta Ibn Yūnus yang menyatakan bahawa *Mantiq* adalah neraca ukuran (*mīqād*) bagi semua ilmu pengetahuan atau neraca timbangan (*mizān*) bagi hakikat sesuatu. Beliau telah berjaya mengemukakan hujjah-hujjah yang konkri beserta dengan dalil-dalil yang kuat bagi menolak pendapat tersebut sehingga para hadirin merasa terpegun dengan hujjah-hujjah tersebut. Abu Sa’īd telah mendapat pujian yang bertalu-talu daripada Ibn al-Furat. Untuk keterangan lanjut, lihat, (al-Šū‘aydī, ‘Abd al-Muta’al, *Tajdīd ‘Ilm al-Mantiq Fi Sharḥ al-Klibayṣi ‘Alā al-Tahdīb*, Kaherah, t.t. h. 6. Lihat juga (Al-Suyūti, *Sawn al-Mantiq*, h. 199. R. Arnaldez dalam *Encyclopaedia Of Islam*, *Op.cit.*, h. 443.)

rujukan pemikiran mereka menolak semua sumber lain untuk dijadikan sebagai sumber rujukan pemikiran dan kajian mereka. Mereka berpendapat bahawa semua ilmu yang tidak diajar di zaman Rasulullah S.A.W. dan para sahabatnya adalah tidak sepatutnya dipelajari oleh umat Islam kerana usaha tersebut adalah dianggap sebagai bid'ah dan terkeluar dari landasan al-Sunnah. Al-Imām al-Shāfi‘ī<sup>1</sup> adalah merupakan salah seorang tokoh ulama *al-Salaf* terkenal yang secara lantang telah menolak semua pemikiran asing yang dianggapnya tidak secocok dengan ajaran Islam.

Beliau telah menolak *Mantiq* melalui ungkapannya yang terkenal iaitu "orang-orang Arab tidak akan menjadi jahil dan bercanggahan pendapat, kecuali setelah mereka mula cenderung untuk meninggalkan *lisan al-‘Arab* (iaitu ilmu-ilmu yang berdasarkan kepada bahasa Arab) dan cenderung kepada *lisan Aristotle*".<sup>2</sup>

Ungkapan "*lisan Aristotle*" yang dimaksudkan oleh al-Imām al-Shāfi‘ī di atas adalah merangkumi semua hasil-hasil pemikiran yang terbit daripada tokoh Falsafah Greek tersebut, termasuk *Mantiq* beliau yang telah berkembang ke Dunia Islam. Dalam menghuraikan ungkapan ini, al-Suyū‘ī menerangkan bahawa kejahilan tentang bahasa Arab dan retoriknya (*al-Balaghah*) menyebabkan berlakunya fitnah kemakhlukan al-Quran (*khalq al-Qur‘ān*), penafian terhadap *al-Ru'yah* (melihat Allah s.w.t.) dan

<sup>1</sup> Beliau ialah Abu ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Idrīs al-Shāfi‘ī yang telah diperanakkkan pada tahun 150 H / 767 M. Beliau yang mengetuai mazhab *al-Shāfi‘ī*, merupakan seorang tokoh ulama Islam terkenal yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang *al-Fiqh* dan *Uṣūl al-Fiqh*. Beliau sempat berguru dengan al-Imām Mālik di Madinah sebelum beliau meninggal dunia pada tahun 179 H / 795 M. Antara karya beliau yang terkenal ialah kitab *al-Umm* dan juga *al-Risalah*.

<sup>2</sup> Al-Suyū‘ī, *Sawn al-Mantiq*, h. 15.

perkara-perkara bid'ah yang lain lagi.<sup>1</sup> Berasaskan kepada alasan tersebut, beliau telah mencela dan mengharamkan *Mantiq*.

Menurut Al-Suyūtī lagi, kecenderungan meninggalkan "*lisān al-‘Arab*" inilah yang menyebabkan ahli-ahli *Mantiq* sentiasa melakukan kesilapan apabila mereka membincangkan permasalahan-permasalahan fekah dan cuba mentakhrījkan (mentafsir dan mengeluarkan kesimpulan-kesimpulan) masalah-masalah tersebut berdasarkan kepada kaedah-kaedah *Mantiq*. Mereka langsung tidak mempedulikan kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh para *fuqahā'* Islam.<sup>2</sup>

Ungkapan al-Shāfi‘ī di atas juga telah dirujuk kepada peristiwa berlakunya percanggahan fatwa berkaitan dengan masalah-masalah fekah antara gurunya al-Shaikh al-Kalījī (m. 879 H./ 1474 M.)<sup>3</sup> dengan kalangan ulama fekah dari mazhab Hanafī yang menurut al-Suyūtī adalah disebabkan beliau telah mentakhrījkan masalah-masalah tersebut berdasarkan kepada kaedah-kaedah pendalilan *Mantiq*, bukan berdasarkan kepada kaedah-kaedah **syariah** yang sepatutnya menjadi sandaran pentakhrījannya. Al-Suyūtī kemudiannya merumuskan bahawa sesiapa yang berusaha mentakhrījkan al-Quran, al-Sunnah dan syariat berdasarkan kepada kaedah-kaedah *Mantiq*, ia pasti akan gagal mencapai tujuan tujuan yang dikelhendaki oleh syara'. Kalau kegagalan tersebut

<sup>1</sup>Ibid.

<sup>2</sup>Ibid. h. 16.

<sup>3</sup>Beliau ialah Maḥyy al-Dīn Abū ‘Abd Allāh al-Kalījī al-Hanafīyy; Muḥammad ibn Sulaymān ibn Sa‘ad ibn Mas‘ud al-Rūmīyy al-Barghamīyy. Al-Kalījī merupakan guru kepada al-Imam al-Suyūtī. Beliau yang telah dilahirkan pada tahun 788 H./ 1386 M. dan meninggal dunia pada 4 hb. Rabiul Awwal, tahun 879 H./ 1474 M. merupakan seorang tokoh ulama terkenal dalam bidang disiplin-disiplin ilmu akal seperti *‘Ilm al-Kalām*, *al-kadāl*, *Mantiq*, *Falsafah* dan *al-Hay‘ah* (Astromomi).

berkait dengan permasalahan-permasalahan cabang (*fīrū'*), ia dianggap sebagai satu kesilapan, sebaliknya kalau kegagalan tersebut berkait dengan permasalahan-permasalahan pokok (*Uyūl*), ia dianggap sebagai satu "bid'ah". Berdasarkan kepada alasan inilah *Manṭiq* diharamkan.<sup>1</sup>

Ada pandangan yang menyatakan bahawa ungkapan al-Šħāfi'i di atas menunjukkan bahawa beliaulah orang pertama yang menolak *Manṭiq* berasaskan kepada landasan bahasa. Ini kerana semua ilmu pengetahuan yang berasaskan kepada "*Iisān Aristotle*" adalah mempunyai kaitan yang rapat dengan ciri-ciri bahasa Greek. *Manṭiq* beliau umpamanya adalah jelas berasaskan kepada ciri-ciri bahasa Greek yang jelas berbeza dengan ciri-ciri bahasa lain. Ia berbeza dengan bahasa Arab kerana bahasa Arab mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri yang sudah tentu berbeza dengan ciri-ciri bahasa Greek.<sup>2</sup>

Selain alasan di atas, adalah diyakini bahawa sekiranya al-Šħāfi'i menolak '*Ilm al-Kalām* dengan alasan al-Quran dan al-Sunnah tidak pernah memerintahkan umat Islam agar mempelajari disiplin ilmu tersebut dan juga dengan alasan tidak adanya sebarang bukti yang menunjukkan bahawa ulama *al-Salaf* pernah memperkatakan tentangnya, beliau juga secara tidak langsung menolak *Manṭiq* kerana semua alasan tersebut juga terdapat pada *Manṭiq*.<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Al-Suyū'i, *Sawn al-Manṭiq*, h. 16

<sup>2</sup>*Ibid.* h. 15.

<sup>3</sup>*Ibid.* h. 30.

Beliau pernah menyatakan bahawa ahli-ahli *al-Kalām* (mereka yang memperkatakan tentang ‘ilm al-Kalām) hendaklah dihukum oleh pemerintah Islam. Bentuk hukumannya ialah mereka hendaklah dipukul dengan pelepas tamar, kemudiannya diletakkan diatas belakang unta agar ia dibawa mengelilingi orang ramai. Serentak dengan itu, orang ramai hendaklah dimaklumkan bahawa inilah balasan orang yang meninggalkan al-Kitāb dan al-Sunnah serta memperkatakan tentang ‘ilm al-Kalām.<sup>1</sup> Ini bermakna bahawa seseorang yang memperkatakan tentang *Manṭiq* juga hendaklah dijatuhkan hukuman yang sama dengan hukuman di atas kerana alasan penolakan beliau terhadap ‘ilm al-Kalām juga terdapat pada *Manṭiq*.

Al-Imām al-Shāfi‘ī telah menempelak tindakan para ulama *al-Kalām*, khususnya golongan *al-Mutazilah* yang menggunakan dalil-dalil yang berdasarkan kepada akal dan *Manṭiq* dalam menolak pendapat golongan zindik yang menyesatkan. Tindakan tersebut menurut beliau boleh membantu menyebarkan ajaran sesat mereka. Beliau juga tidak berpendapat bahawa orang-orang Islam harus menggunakan *Manṭiq* atau metod-metod lain yang diambil daripada orang bukan Islam bagi mempertahankan agama Islam. Sikap beliau ini menurut al-Ša‘aydī, sedikit sebanyak telah menyebabkan orang-orang Islam menjadi jumud dan menyebabkan mereka teragak-agak untuk mendekati disiplin-disiplin ilmu asing yang diterjemahkan ke bahasa Arab.<sup>2</sup>

Sebenarnya pandangan al-Imām al-Shāfi‘ī berhubung dengan persoalan ‘ilm al-Kalām dan juga *Manṭiq* adalah secocok dengan pandangan al-Imām Abū Hanīfah (m.

---

<sup>1</sup>Ibid. h. 31.

<sup>2</sup>Al-Ša‘aydī, *al-Mujādilah*, h. 94.

150 H./ 767 M.), al-Imām Mālik (m. 179 H. 790 M.) dan juga al-Imām Ahmad ibn Ḥambal (m. 241 H./ 855 M.). Al-Suyūṭī (m. 911 H./ 1505 M.) telah banyak mengumpulkan nas-nas yang jelas menunjukkan bahawa ketiga-tiga pemimpin aliran mazhab *al-Fiqh* dalam Islam tersebut menolak ‘Ilm al-Kalām yang juga boleh difahami bahawa mereka juga menolak disiplin *Mantiq*. Beliau telah menghimpunkan nas-nas tersebut di dalam kitabnya “*Sawn al-Mantiq Wa al-Kalām ‘An Fan al-Mantiq Wa al-Kalām*”.<sup>1</sup>

Berdasarkan kepada huraiān di atas, kita merumuskan bahawa al-Shāfi‘ī bukan sahaja menolak *Mantiq* tapi juga mengharamkan umat Islam mendekatinya. Beliau telah mengemukakan alasan-alasan yang menyerlahkan kepada kita betapa bencinya beliau terhadap semua disiplin ilmu Greek yang tidak pernah dibincangkan oleh para Rasul ‘a.s, para sahabat r.’a. dan para ulama terdahulu.

#### 4.4.2. Ibn al-Ṣalāḥ (m. 643 H./ 1245 M.)

Pendirian tegas para ulama *al-Salaf* dalam menolak ‘Ilm al-Kalām dan *Mantiq*, telah mempengaruhi ramai dari kalangan ulama terkemudian yang muncul selepas kepergian mereka. Ibn al-Ṣalāḥ<sup>2</sup>, seorang tokoh ulama hadis terkenal adalah antara tokoh ulama Islam yang paling kantang menentang kehadiran *Mantiq* ke Dunia Islam. Beliau

<sup>1</sup>Untuk keterangan lanjut, lihat, (Al-Suyūṭī, *Sawn al-Mantiq*, h. 32-33.)

<sup>2</sup>Beliau ialah Taqīyy al-Dīn Abū ‘Amr ‘Uthmān ibn Ṣalāḥ al-Dīn ibn ‘Abd al-Rahmān ibn ‘Uthmān ibn Muṣā al-Kurdī al-Shahrzūrī al-Mawsiliyy al-Shāfi‘īyy. Ibn al-Ṣalāḥ merupakan seorang tokoh ulama hadis terkenal yang telah dilahirkan pada tahun 577 H./ 1181 di di *Sharkha*, iaitu sebuah perkampungan berhampiran dengan *Shahruz* dalam jajahan Irbil. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 643 H./ 1245 M. Antara karya-karya beliau yang terkenal, kitab “*Faḍl al-Iskandariyyah Wa ‘Asqalān*”, “*Adab al-Muṭtiyyah Wa al-Mustaqbiyyah*”, “*Sharḥ al-Waraqat Fī al-Uṣūl*”, “*Siyārah Ṣaḥīḥ Muslim*” dan “*Fatawā Ibn al-Ṣalāḥ Fī al-Tafsīr Wa al-hadīth Wā al-Uṣūl Wa al-Fiqh*”.

telah mengeluarkan fatwa mengharamkan pengajian *Mantiq* dan pengajarannya dalam masyarakat Islam. Kemunculan Fatwa yang amat popular di kalangan para sarjana Islam dan Barat ini menggambarkan kepada kita betapa hebatnya tentangan tokoh-tokoh ulama Islam terhadap disiplin *Mantiq* pada kurun ketujuh hijrah.<sup>1</sup>

#### 4.4.2.1. Pandangan Secara Umum.

Adalah diketahui umum bahawa Ibn al-Šalāh adalah seorang tokoh ulama yang amat benci terhadap semua disiplin-disiplin ilmu Falsafah. Buktinya beliau pernah menempelak Falsafah Greek dengan ungkapan seperti berikut;

*"Sesungguhnya Falsafah adalah bugi kebodohan dan kelemahan, bahan ketercengangan dan kesesatan, serta faktor pendorong berlakunya penyelewengan dan Atheisme. Sesiapa yang mempraktikkan Falsafah, maka butalah mata hatinya untuk melihat keelokan syari'at yang diperkuatkan oleh hujjah-hujjah yang terang dan jelas serta dalil-dalil yang kuat. Sesiapa yang berkecimpung dalam bidang Falsafah, samada dalam bentuk memberi pengajaran tentangnya atau berusaha mempelajarinya, maka ia akan ditimpah kekecewaan, akan kehilangan sesuatu serta akan dapat dikuasai oleh syaitan"<sup>2</sup>*

Berhubung dengan disiplin *Mantiq* pula, beliau secara tegas telah mengharamkan disiplin ini untuk dipelajari atau disebarluaskan oleh umat Islam. Di dalam *Hāshiah al-Bajūrī 'Alā Maṭn al-Sullam*, tertera ungkapan puisi yang antaranya menjelaskan tentang sikap Ibn al-Salah dan al-Imam al-Nawawi<sup>3</sup> terhadap *Mantiq*. Ungkapan tersebut berbunyi:

<sup>1</sup>Al-Ṭawīl, Fī Turāthīnā, h. 72.

<sup>2</sup>Ibn al-Šalāh, Taqīyy al-Dīn, Abū 'Amr 'Uthmān Ibn Šalāh al-Dīn, *Fatāwā Wa Masā'il Ibn al-Šalāh Fī al-Tafsīr Wa al-Hadīth Wa al-Uṣūl Wa al-Fiqh*, Beirut, j. 1, 1986, h. 209 - 210.

<sup>3</sup>Beliau ialah Muḥyy al-Dīn, Abū Zakariyya, Yaḥyā ibn Sharaf yang telah dilahirkan pada tahun 631 H/1233 M di "Nawā", iaitu sebuah kampung di Damashq, Syria. Beliau yang merupakan seorang tokoh ulama

والخلف في جواز الاشتغال \* به على ثلاثة أقوال  
 فابن الصلاح والنوى حرما \* وقال قوم يبغى أن يعلما  
 والقولة المشهورة الصحيحة \* جوازه لكامل القرىحة  
 ممارس السنة والكتاب \* ليهتدى به إلى الصواب

*terj: Pandangan ulama al-Khalaf (ulama yang terkemudian) berhubung dengan keharusan berkecimpung dengan bidang *Mantiq* terbahagi kepada tiga pendapat. Ibn al-Salāḥ dan al-Imām al-Nawawī mengharamkannya. Sebahagian ulama berpendapat ianya adalah diharuskan. Sementara pendapat yang paling masyur di kalangan mereka ialah, ianya diharuskan bagi individu-individu yang mempunyai tahap kecerdikan akal yang sempurna dan melaksanakan ajaran *al-Quran* dan *al-Sunnah* (iaitu dalam kehidupannya) agar ianya dapat dijadikan sebagai pedoman dalam menuju ke arah jalan yang benar.<sup>1</sup>*

Pendirian Ibn al-Ṣalāḥ dan al-Imām al-Nawawī di atas telah disokong oleh ramai kalangan ulama Islam. Dalam menjustifikasi pendirian tegas kedua-dua tokoh ulama Islam ini terhadap *Mantiq*, terdapat kalangan ulama yang berpendapat bahawa ianya diharamkan kerana penglibatan dalam bidang *Mantiq* adalah merupakan kerjaya orang-orang Yahudi dan Kristian.<sup>2</sup>

Alasan tersebut adalah tidak begitu tepat kerana disana terdapat beberapa kerjaya yang diceburi oleh orang Yahudi dan Kristian seperti bidang perubatan dan tata bahasa yang tidak diharamkan oleh Islam walaupun ianya diceburi oleh mereka. Alasan yang lebih tepatnya ialah kerana *Mantiq* bercampur aduk dengan unsur-unsur kesesatan

Fekah dan Hadis yang terkenal, telah meninggal dunia pada tahun 676 H./ 1277 M. Antara karya-karyanya yang terkenal ialah kitab *Riyad al-Ṣalihin*, *al-Adhkar*, *al-Maqnū‘ Sharḥ al-Muhaddithūn*, *al-Iṣḥād Fi ‘Ilm al-Hadīth* dan lain-lain lagi.

<sup>1</sup>Al-Bajuri, *Op.cit.*, h. 16.

<sup>2</sup>Ibid, h. 19.

yang dibawa oleh ahli-ahli Falsafah. Unsur-unsur ini dikhuatiri akan meresap masuk ke dalam sanubari individu-individu yang berjinak-jinak dengan *Mantiq*, sebagaimana yang berlaku kepada kumpulan *al-Mu'tazilah*.

Adalah diyakini bahawa faktor utama yang mendorong Ibn al-*Šalāh* menolak *Mantiq* ialah kerana disiplin ini termasuk dalam kategori ilmu-ilmu akal yang dianggap boleh membawa kepada kesesatan dan penyelewengan akidah umat Islam. Selain daripada itu, ia juga dikhuatiri akan menyebabkan seseorang itu bergantung kepada sumber-sumber yang lain selain daripada sumber-sumber syara' seperti al-Quran dan al-Sunnah dalam menentukan sesuatu perkara.

#### *4.4.2.2. Fatwa Pengharaman Mantiq*

Kelantangan Ibn al-*Šalāh* dalam menolak *Mantiq* telah dimanifestasikannya dalam bentuk mengeluarkan fatwa tegas mengharamkan penglibatan umat Islam dengan disiplin asing tersebut. Ketika ditanya tentang beberapa soalan yang berkaitan dengan hukum mempelajari dan memberi pengajaran tentang *Mantiq* dan beberapa perkara lain yang berkaitan dengannya, Beliau antara lain menjelaskan bahawa:

*"Mantiq merupakan pengantar bagi Falsafah dan sudah tentu sesuatu yang menjadi pengantar kepada kejahanatan juga merupakan kejahanatan. Sesungguhnya penglibatan seseorang dalam bidang Mantiq, samada berusaha mempelajarinya atau memberi pengajaran tentangnya, adalah tidak diharuskan oleh syara' dan seorang pun dari kalangan para sahabat Rasulullah s. a.w., para al-Tabi'īn, para imam-imam mujtahidin, orang-orang soleh terdahulu dan kalangan individu-individu yang menuruti jejak langkah mereka dari kalangan para pemimpin dan pembesar umat ini"*<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup>Ibn al-*Šalāh*, *Op.cit.*, h. 210-211.

Beliau juga menyebut bahawa penggunaan istilah-istilah *Mantiq* dalam perbahasan hukum-hukum syara<sup>1</sup> adalah merupakan satu perbuatan bid'ah dan kemungkaran yang amat keji. Menurut beliau lagi, perbahasan hukum-hukum syara<sup>2</sup> tidak memerlukan kepada *Mantiq* kerana persoalan *al-Had* dan *al-Burhān* yang telah diperkatakan oleh ahli-ahli *Mantiq*, hanyalah sekadar omong-omong kosong. Ini kerana Allah s.w.t. telah menyediakan jalan yang betul dan selamat untuk dilalui oleh umat Islam agar mereka dapat menemui kebenaran.<sup>3</sup>

Tindakan Ibn al-Šalāḥ mengeluarkan fatwa ini, menurut Muṣṭafā ‘Abd al-Rāziq adalah menunjukkan kepada kita betapa hebatnya tentangan para ulama terkemudian terhadap disiplin-disiplin ilmu Falsafah Greek.<sup>2</sup> Kenyataan yang telah dikeluarkan oleh tokoh pemikir Falsafah Islam terkenal di zaman moden ini adalah bertujuan untuk menjelaskan pandangan Al-Šaikh Muḥammad ‘Abduh yang menyatakan bahawa terdapat di kalangan ulama terkemudian yang hampir melewati batas-batas kesederhanaan dalam mengkritik Falsafah Greek.<sup>3</sup>

Selain daripada itu, Ibn al-Šalāḥ juga menyatakan bahawa melalui al-Šaikh al-‘Ammād Ibn Yūnus, beliau mengetahui bahawa Yusuf al-Damīqīyy (salah seorang guru di Institut Pengajian Tinggi *al-Nizāmiyyah*, Bagdad) juga menolak pendapat yang menyatakan wajib mempelajari *Mantiq* agar ilmu yang dimiliki oleh seseorang itu boleh dipercayai.<sup>4</sup> Kenyataan beliau ini adalah bertujuan untuk menolak pendapat yang

<sup>1</sup>Ibid. h. 211.

<sup>2</sup>Muṣṭafā ‘Abd al-Rāziq, *Op.cit.*, h. 84.

<sup>3</sup>Muhammad ‘Abduh, al-Šaikh, *Risālah al-Tawhīd*, Kaherah, 1965, h. 16.

<sup>4</sup>Husayn Amin, *Op.cit.*, h. 148.

telah dikemukakan oleh al-Ghazālī yang menyatakan bahawa seseorang yang tidak mengetahui apa-apa tentang *Mantiq*, maka ilmunya tidak boleh dipercayai.

Pendapat al-Ghazālī ini menurut Ibn al-Šalāh, adalah mesti ditolak kerana setiap individu yang berfikiran waras secara tabi'inya juga adalah seorang ahli *Mantiq* (*manṭiqiyūn*). Menurutnya lagi, ramai dari kalangan para imam-imam yang tidak sedikitpun mempedulikan tentang *Mantiq*.<sup>1</sup> Menurut Ibn al-Šalāh lagi, Yusuf al-Damšiqiyy juga menjelaskan bahawa walaupun Abū Bakr, 'Umar dan lain-lain pemimpin Islam yang lain tidak mengetahui sedikit pun tentang *Mantiq*, namun ilmu pengetahuan yang mereka miliki tetap dipercayai dan diyakini kebenarannya oleh seluruh umat Islam di sepanjang zaman.<sup>2</sup>

Berdasarkan kepada huraian di atas, kita menyimpulkan bahawa Ibn al-Šalāh telah menolak *Mantiq* dengan mengeluarkan fatwa mengharangkan umat Islam mempelajari *Mantiq* atau pun mengajarkannya kepada orang lain. Pandangan beliau adalah secocok dengan pandangan al-Imam al-Nawawī. Selain daripada sebaris puisi ungkapan al-Shaikh al-Bajūrī yang menjelaskan tentang pendirian Ibn al-Šalāh dan al-Nawawī berhubung dengan *Mantiq*, al-Nawawī menerusi kitabnya *al-Majmū' Sharḥ al-Muhaḍhdhab* juga secara jelas menyatakan bahawa antara disiplin-disiplin ilmu yang diharamkan adalah seperti Falsafah (termasuk di dalamnya *Mantiq*), *al-Sha'būdhab*

<sup>1</sup>Ibid.

<sup>2</sup>Ibn al-Šalāh, *Op.cit.*, h, 209.

(Silap Mata), Sihir dan juga *al-Kathārah* (ilmu Ramalan Nujum). Menurut beliau, taraf keharaman disiplin-disiplin ilmu tersebut adalah berbeza antara satu sama lain.<sup>1</sup>

Menurut Ibn Taymiyyah, aliran mazhab yang mengharamkan *Mantiq* adalah mazhab yang betul dan disokong oleh jumahir ulama *al-Salaf* yang terdiri dari kalangan para imam-imam, ulama-ulama *al-Hadīth* dan semua ahli fikir Islam terdahulu dari semua golongan. Beliau seterusnya menjelaskan bahawa:

*"Para ulama dan pemimpin agama ini, dari semua kelompok, tetap mencela *Mantiq* dan para ulamanya. Mereka juga melarang umat Islam dari mendekati *Mantiq* dan para ulamanya, sehingga aku lihat bahawa fatwa golongan ulama terkemudian yang mengabdiikan tulisan para imam di zaman mereka dari aliran mazhab al-Shāfi'i, al-Hanafi dan lain-lain lagi banyak mengandungi ungkapan-ungkapan menarik yang menjelaskan tentang pengharaman *Mantiq* dan risiko yang bakal diterima oleh para pendokongnya."*<sup>2</sup>

#### 4.4.3. Ibn Taymiyyah (m. 728 H./ 1328 M.)

Sebagaimana yang diketahui umum, Ibn Taymiyyah merupakan seorang tokoh mujaddid Islam terkenal yang cuba mengajak umat Islam kembali menghayati aliran pemikiran *al-Salafiyah*. Kita sedia maklum bahawa golongan ulama *al-Salaf* telah menolak semua disiplin ilmu yang tidak bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah, lebih-lebih lagi yang diimport dari suatu tamaddun yang tidak berasaskan kepada ajaran Islam. Pendirian tegas mereka dalam menentang penyerapan pengaruh pemikiran *Hellenik*, termasuk *Mantiq* ke dalam pemikiran Islam telah banyak mempengaruhi jiwa

<sup>1</sup>Al-Nawawī, Mahyū al-Dīn, Abu Zakariyya Yahya ibn Sharaf, *al-Majmū'* *Sharḥ al-Muhādhilah*, Kaherah, j. 1, 1971, h. 52.

<sup>2</sup>Ibn Taymiyyah, *Naqd al-Mantiq*, h. 156.

dan pemikiran Ibn Taymiyyah untuk meneruskan perjuangan menolak Falsafah dan *Mantiq Aristotle*.

#### 4.4.3.1. Pandangan Secara Umum

Sebagai seorang pendokong aliran mazhab *al-Salafiyah*, Ibn Taymiyyah telah menolak semua disiplin ilmu yang berdasarkan kepada Falsafah Greek. Seorang muridnya yang bernama *Shihab al-Din* menyatakan bahawa Ibn Taymiyyah telah mengarang sebuah kitab yang berjudul "*al-Radd 'Ala 'Aqa'id al-Falsafah*" bagi menolak pandangan tokoh-tokoh Falsafah yang bercanggah dengan akidah Islam.<sup>1</sup> Beliau telah menempelak tindakan khalifah al-Ma'mun memasukkan ilmu Falsafah ke Dunia Islam, iaitu menerusi kegiatan penterjemahan. Beliau menegaskan bahawa tindakan tersebut tetap tidak akan dilupai oleh Allah s.w.t. dan beliau akan menerima balasan siksa yang setimpal daripada Allah s.w.t. pada hari akhirat kelak di atas perbuatannya.<sup>2</sup>

Menurutnya semua disiplin ilmu yang lain (termasuk ilmu-ilmu Falsafah), selain daripada ilmu yang diwarisi oleh umat Islam dari Rasulullah s.a.w. tidak layak untuk dianggap sebagai satu ilmu. Kalau pun ilmu-ilmu tersebut dianggap oleh sesetengah orang sebagai ilmu, ianya tidak boleh memberi apa-apa manfaat kepada mereka.<sup>3</sup> Ini kerana hanya Rasulullah s.a.w. sahaja yang membawa pertunjuk kepada manusia. Sesiapa yang berpaling daripada pertunjuk tersebut, ia akan gagal

<sup>1</sup> Abd al-Rahman Badawi, *al-Turuq al-Yunaniyyah*, h. 164.

<sup>2</sup> Al-Suyuti, *al-Mujaddidin*, h. 265.

<sup>3</sup> Ibn Taymiyyah, *Mujm'ah al-Rasa'il*, h. 238.

memperolehinya, apakah lagi mereka yang berusaha untuk membatalkan pertunjuk tersebut dengan mengemukakan perkara-perkara yang bercanggah dengannya.<sup>1</sup>

*Mantiq* Greek yang merupakan sebahagian daripada disiplin ilmu asing telah ditolak oleh beliau. Walau pun beliau berpendirian sama dengan al-Għażali Ċiex dalam menolak Falsafah ketuhanan Greek, namun beliau mempunyai pandangan yang berbeza dengan al-Għażali Ċiex dalam menanggapi disiplin *Mantiq*. Ini kerana beliau telah menolak kaedah-kaedah *Mantiq* yang bertunjangkan kepada kajian *al-Had* dan *al-Qiyās*, berbeza dengan al-Għażali Ċiex yang menunjukkan sikap yang lebih terbuka terhadap disiplin tersebut. Dr. ‘Alī Sāmī al-Naħħshār, seorang tokoh sarjana Islam semasa banyak membincangkan tentang sikap Ibn Taymiyyah terhadap *Mantiq* menerusi bukunya “*Mandijat al-Baħbi* ‘Inda Muħakkirī Islam”.

Secara umumnya penolakan tokoh mujaddid Islam terkenal ini terhadap *Mantiq* adalah terkandung dalam ungkapannya yang amat popular iaitu:

“sesungguhnya ia (*Mantiq*) tidak boleh memberi apa-apa faedah kepada orang-orang yang cerdik dan tidak boleh diambil apa-apa manfaat darinya oleh orang-orang yang bodoh.”<sup>2</sup>

Beliau menolak fungsi *Mantiq* yang dianggap sebagai neraca timbangan bagi semua ilmu akal, sebagaimana ‘Ilm al-‘Aruḍ yang menjadi neraca timbangan bagi sya ir-sya ir Arab dan sebagaimana ‘Ilm al-Naḥw dan ‘Ilm al-Šarf yang menjadi neraca

<sup>1</sup>Ibn Taymiyyah, Aḥmad ibn ‘Abd al-Ḥalīm, *Muwaṭṭaqat al-Šāfiyah al-Maṇqūl Li Ṣarīḥ al-Maṇqūl*, Beirut, 1985, h. 133.

<sup>2</sup>Ibn Taymiyyah, *al-Radd*, h. 3. Lihat juga, al-‘Āṣimī, ‘Abd al-Raḥmān ibn Muḥammad, *Majmū’ Fatawa Shaikh al-Islām Aḥmad ibn Taymiyyah*, Makkah, j. 9, 1971. h. 82.

timbangan bagi lafaz-lafaz Arab yang tersusun ataupun tunggal. Menurutnya, ilmu tersebut akan dapat diketahui oleh manusia kerana secara fitrahnya Allah s.w.t. telah melengkapkan kepada setiap anak cucu Adam ‘a.s. sebab-sebab yang membolehkannya mengetahui tentang hakikat sesuatu. Rata-rata golongan cendekiawan dari kalangan umat manusia mampu mengetahui tentang hakikat-hakikat yang terdapat pada sesuatu benda tanpa mempelajari *Mantiq*.<sup>1</sup> Dalam rangka menolak *Mantiq* Greek, beliau telah menghasilkan dua buah kitab terkenal iaitu *al-Radd ‘Alā al-Mantiqiyīn* dan *Naqd al-Mantiq*.

Kritikan Ibn Taymiyyah terhadap *Mantiq* telah dilakukannya secara ilmiah dan bermetod. Kritikan beliau adalah ditujukan kepada dasar-dasar, kaedah-kaedah, pernyataan-pernyataan dan permasalahan *Mantiq* itu sendiri setelah kajian teliti terhadap semua perkara tersebut dibuat oleh beliau. Kritikan beliau terhadap *Mantiq* telah dianggap oleh sesetengah sarjana sebagai kritikan pertama yang pernah dilakukan oleh ulama Islam secara ilmiah, bermetod dan berlandaskan kepada hujjah-hujjah akal (iaitu berdasarkan kepada asas-asas *Mantiq*).<sup>2</sup>

Ini jelas berbeza dengan trend kritikan tokoh-tokoh ulama sebelumnya yang lebih ditujukan kepada aspek-aspek luaran *Mantiq* dan tidak sedikitpun menyentuh tentang aspek-aspek dalaman disiplin itu sendiri. Kritikan sebegini kurang berupaya

<sup>1</sup> Abd al-Fattah Ahmad Fu’ad, *Ibn Taymiyyah Wa Mawqifuh Min al-Fikr al-Falsafiyy*, Iskandariyyah, 1986, h. 155

<sup>2</sup> Abd al-Latiif, *Dūrasāt Fī al-Falsafah*, h. 43. lihat juga, ‘Afīfi, Muhammad al-Šādiq, Dr., *al-Fikr al-Islamiyy*; *Mabadi’uh, Manahijuh, Qiyamuh Wa Akhlāqiyyatuh*, Kaherah, 1976, h. 162.

untuk mendedahkan unsur-unsur kelemahan, kesilapan dan kesalahan yang terdapat di dalamnya.

Selain daripada itu, perlu juga dinyatakan di sini bahawa Ibn Taymiyyah, selain dari berjaya mengkritik *Mantiq* Aristotle, juga berjaya mengemukakan kepada masyarakat Islam satu alternatif *Mantiq* Islam bagi menggantikan *Mantiq* susunan Aristotle yang dianggapnya bukan sahaja bertentangan dengan ajaran Islam, tetapi juga bertentangan dengan kewarasan akal manusia.<sup>1</sup> *Mantiq* baru inilah yang telah diceduk oleh para pemikir Barat untuk memperkenalkan metod percubaan (*al-Manhaj al-Tajribiyy*) kepada dunia Eropah sebagai alternatif kepada *Mantiq* Formal yang telah sekian lama menguasai pemikiran masyarakat mereka (khususnya pada kurun pertengahan).<sup>2</sup>

Dalam kitab *Naqd al-Mantiq*, beliau cuba menolak dakwaan mereka yang menyatakan bahawa mempelajari *Mantiq* adalah fardu kifayah dan sesiapa yang tidak mengetahui tentangnya, nescaya ilmunya tidak boleh dipercayai. Pandangan ini, menurutnya langsung tidak boleh diterima kerana ianya mengandungi banyak unsur-unsur yang tidak boleh diterima pakai dan beberapa dakwaan palsu. Beliau berhujah bahawa realiti yang berlaku, dahulu dan kini menunjukkan bahawa mereka yang berkecimpung dalam bidang *Mantiq* adalah terdiri dari kalangan individu yang mempunyai pandangan yang jelas tidak boleh diterima pakai. Mereka juga kurang

<sup>1</sup> Muhammad Fathī ‘Uthmān, *Op.cit.*, h. 162.

<sup>2</sup> Uthmān ‘Alī, *Op.cit.*, h. 621.

berupaya untuk mencapai pengetahuan tentang sesuatu ilmu dan memperjelasan ilmu tersebut kepada orang lain.<sup>1</sup>

Beliau juga mendedahkan bahawa kalangan individu yang mahir dengan disiplin ini juga tidak mematuhi kaedah-kaedah *Mantiq* yang diketahuinya dalam membincangkan tentang sesuatu ilmu. Mereka langsung tidak mempedulikan kaedah-kaedah tersebut kerana ianya terlalu panjang dan meleret-leret, tidak berfaedah, tidak boleh diterima pakai dan sukar untuk dibezakan antara satu sama lain kerana kaedah-kaedah tersebut merupakan prinsip-prinsip umum yang mengandungi banyak unsur-unsur keserupaan.<sup>2</sup>

Sementara di dalam kitab *al-Radd ‘Alā al-Mantiqiyīn* pula, beliau telah menjelaskan di dalam mukadimahnya bahawa tujuan penulisan karya ini adalah untuk menyangkal kesilapan sebahagian besar dari pernyataan-pernyataan *Mantiq* yang dianggapnya benar pada peringkat awal pengamatannya. Sebelum menyangkal pernyataan-pernyataan tersebut, beliau telah mengemukakan penerangan ringkas tentang kaedah-kaedah *Mantiq* bagi mengenalpasti aspek-aspek kesilapan yang terdapat di dalamnya.<sup>3</sup>

#### **4.4.3.2. Kritikan Terhadap *al-Had* Dan *al-Qiyās*.**

Adalah jelas bahawa berdasarkan kepada perbincangan sebelum ini, Ibn Taymiyyah telah menolak Falsafah Greek secara kolektifnya dan *Mantiq* Aristotle secara

<sup>1</sup>Ibn Taymiyyah, *Naqṣ al-Mantiq*, h. 155.

<sup>2</sup>*Ibid*.

<sup>3</sup>Sabih Ahmad Kamali, *Ibid*, h. 57.

khususnya yang telah berkembang ke Dunia Islam. Kritikan beliau terhadap *Mantiq* adalah berkisar kepada dua persoalan utama *Mantiq* iaitu metod *al-Had* dan *al-Qiyas* yang menjadi fokus utama kajian *Mantiq* Greek.<sup>1</sup>

Di dalam mengkritik kedua-dua metod tersebut, beliau telah membahagikan kajiannya kepada empat bahagian utama, sebagaimana berikut:<sup>2</sup>

- 1) Bahagian pertama : menolak pendapat ulama *Mantiq* yang menyatakan bahawa pengetahuan tentang *al-Taṣawwurāt* hanya boleh diketahui melalui *al-Had*. Antara hujjah utama beliau bagi menolak pendapat ini, ialah beliau menyatakan bahawa terdapat ramai pakar-pakar ilmu teori dan amali mampu mentasawwirkan sesuatu ilmu dan pekerjaan yang diperlukan oleh mereka walaupun mereka tidak mengetahui tentang had-had *Mantiq* (*al-Hudūd al-Mantiqiyyah*). Ini membuktikan bahawa sesuatu *al-Taṣawwur* tidak memerlukan kepada *al-Had al-Mantiqiyy*.<sup>3</sup>
- 2) Bahagian kedua : menolak pendapat ulama *Mantiq* yang menyatakan bahawa *al-Had* boleh menjelaskan pengetahuan tentang *al-Taṣawwurāt*.<sup>4</sup>

<sup>1</sup>*Ibid*, h. 57-58

<sup>2</sup>Ibn Taymiyyah, *al-Raḍḍ*, h. 7.

<sup>3</sup>*Ibid*, h. 8., Lihat juga, (Mahmūd Qasīm, *al-Mantiq al-Ḥadīth*, h. 5-6.) Untuk keterangan lanjut tentang hujjah-hujjah beliau seterusnya, lihat (Ibn Taymiyyah, *al-Raḍḍ*, h. 7-14.)

<sup>4</sup>Untuk keterangan lanjut tentang hujjah-hujjah beliau dalam menolak pendapat ini, lihat, (Ibn Taymiyyah, *Ibid*, h. 32-87.)

3) Bahagian ketiga : menolak pendapat ulama *Mantiq* yang menyatakan bahawa pengetahuan tentang *al-Tasydiqāt* hanya boleh dicapai *al-Qiyās*. Antara hujjah-hujjah beliau ialah, beliau menyatakan bahawa *al-Burhān* (*al-Qiyās*) menurut ulama *Mantiq* hanya boleh menjelaskan pengetahuan tentang *al-Kulliyāt*, sedangkan umum mengetahui bahawa *al-Kulliyāt* hanya wujud dalam fikiran manusia (*al-Adlīhāt*) semata-mata. Ia selamanya tidak akan wujud di luar kotak fikiran manusia. Apa yang wujud hanyalah objek-objeknya (*afrād-afrād*) sahaja.<sup>1</sup> Ini bermakna *al-Burhān* atau *al-Qiyās* yang diperkatakan oleh mereka tidak boleh menjelaskan pengetahuan tentang perkara-perkara yang wujud di alam realiti, tapi hanya mampu menjelaskan pengetahuan tentang perkara-perkara yang berlegar dalam benak fikiran manusia semata-mata sahaja.<sup>2</sup>

4) Bahagian keempat : menolak pendapat ulama-ulama *Mantiq* yang menyatakan bahawa *al-Qiyās* boleh menjelaskan pengetahuan tentang persoalan-persoalan *al-Tasydiqāt*.<sup>3</sup>

Setelah menolak pendapat-pendapat tersebut, beliau telah mengemukakan pula alternatif metod *al-Had* dan *al-Qiyās* yang berdasarkan kepada ajaran Islam bagi

<sup>1</sup>Sebagai contohnya "manusia" (*al-Insān*), "kemanusian" (*al-Insāniyyah*), "binatang" (*al- Ḥaywān*) dan "kebinatangan" (*al-Ḥaywāniyyah*) tidak pernah wujud di luar kotak fikiran manusia. Apa yang wujud hanyalah objek-objek seperti Muhammad, Yazid, Fatimah, kuda, lembu, unta .dan sebagaimanya.

<sup>2</sup>Ibn Taymiyyah, *al-Raḍd*, h. 124-125. Untuk keterangan lanjut tentang hujjah-hujjah beliau yang lain, lihat, (Ibn Taymiyyah, *Ibid*, h. 88-89.)

<sup>3</sup>Untuk keterangan lanjut tentang hujjah-hujjah utama beliau bagi menolak pendapat ini, lihat, (Ibn Taymiyyah, *Ibid*, h. 248, 249, 344.)

menggantikan metod *al-Had* dan *al-Qiyas* yang telah diperkenalkan oleh Aristotle dan diperjuangkan oleh tokoh-tokoh Falsafah Islam terkenal.

Berhubung dengan *al-Had*, beliau, antara lain menyatakan bahawa kesemua definisi (*al-Hudūd*) adalah mempunyai fungsi yang sama dengan nama-nama (*al-Ismā'*), iaitu untuk membezakan antara sesuatu yang dibataskan pengertiannya (*al-Mahdūd*) dengan sesuatu benda yang lain dengan cara menyebut sifat-sifat yang boleh membezakannya dengan benda yang lain. Ia bukan bertujuan untuk menjelaskan tentang hakikat sesuatu. Pengetahuan tentang sifat-sifat tersebut akan dapat dicapai oleh manusia melalui kaedah *al-Tard Wa al-‘Aks* iaitu mengisbatkan kewujudan sifat-sifat tertentu kepada *al-Mahdūd* yang secara tidak langsung dapat difahami bahawa sesuatu *al-Mahdūd* akan termati kewujudannya scandainya sifat-sifat tersebut tidak ada padanya.<sup>1</sup>

Berhubung dengan *al-Qiyas* pula, beliau antara lain menyatakan bahawa Allah s.w.t. telah menurunkan *al-Kitāb* iaitu al-Quran dan *al-Mīzān* iaitu qias-qias akal dan perumpamaan-perumpamaan yang telah dijadikan sebagai contoh di dalam al-Quran. Qias-qias akal adalah qias yang boleh menjelaskan tentang persamaan yang wujud pada perkara-perkara yang sama (*Tamāthul al-Mutamāthilat*) dan perbezaan yang wujud pada perkara-perkara yang berbeza (*Ikhṭilāf al-Mukhātilat*). Antara sifat utama yang terdapat

---

<sup>1</sup>*Ibid*, h. 79, lihat juga, (*al-Nashshār, Manāhij al-Baḥth*, h. 90. ‘Uthmān ‘Alī, *Op.cit.*, h. 624-625.)

pada akal manusia ialah kemampuannya memahami persamaan-persamaan dan perbezaan-perbezaan yang terdapat pada sesuatu benda.<sup>1</sup>

Dalam bahagian permulaan kitab *al-Radd ‘Alā al-Manṭiqiyīn*, beliau menjelaskan bahawa kesilapan yang terdapat pada *Manṭiq* Greek adalah terbit daripada ahli-ahli Falsafah ketika mereka membahaskan tentang soal-soal ketuhanan (*al-Ilāhiyyāt*).<sup>2</sup> Dalam menolak pandangan silap ahli-ahli Falsafah berkenaan dengan aspek-aspek ketuhanan, Ibn Taymiyyah dan juga al-Imām al-Ghazālī, berpendapat bahawa golongan ahli Falsafah adalah tidak mengerti tentang perkara-perkara yang bersangkutan dengan bidang ketuhanan. Kata-kata yang diucapkan oleh mereka adalah karut dan mengandungi banyak unsur-unsur kemeracauan. Ini kerana mereka tidak mendapat hidayah daripada sinaran cahaya kenabian dan tidak berpegang dengan syariat Islam.<sup>3</sup>

Sehubungan dengan ini, beliau juga telah menyatakan di dalam kitabnya *Naqd al-Manṭiq* bahawa mereka yang berkecimpung dengan bidang *Manṭiq* adalah merupakan golongan yang paling banyak berkroversi, mempunyai perasaan ragu-ragu dan sentiasa berada dalam kebingungan. Golongan ini juga tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan kurang mampu untuk mencapai pengetahuan tentang hakikat sesuatu. Kalau sekiranya *Manṭiq* adalah satu alat yang boleh digunakan untuk

<sup>1</sup>*Ibid.* h. 371. Untuk keterangan lanjut tentang perkara-perkara asas yang membezakan antara qias Aristotle dan qias yang berdasarkan kepada ajaran Islam menurut Ibn Taymiyyah, lihat, (Ibn Taymiyyah, *Ibid.* h. 150, 155, 163, 165, dan 350). Lihat juga, ('Uthmān 'Alī, *Op.cit.*, 628 - 629.)

<sup>2</sup>*Ibid.* h. 4.

<sup>3</sup>Muhammad Khlāl Harrās, *Ibn Taymiyyah al-Salafiyy: Naqdūh Li Masālik al-Mutakallimīn Wa al-Falāsifah Fi al-Ilāhiyyāt*, Beirut, 1984, h.37.

mendedahkan tentang hakikat sesuatu dan mengawasi pemikiran mereka, sudah tentu kesemua perkara sebegini tidak akan berlaku kepada mereka.<sup>1</sup>

Akhirnya beliau merumuskan bahawa bahawa neraca keadilan (*al-Mizan*)<sup>2</sup> yang telah diwahyukan oleh Allah s.w.t. merupakan qias yang sahih. Sementara neraca ukuran akal pula, ianya tidak lain dan tidak bukan melainkan pengetahuan semulajadi manusia tentang persamaan-persamaan (*al-Tamatul*) yang terdapat pada benda-benda yang sama dan perbezaan-perbezaan (*al-Iktilaf*) yang terdapat pada benda-benda yang berbeza.<sup>3</sup> Rumusan beliau ini memperkuatkan lagi pandangan beliau dalam kitab *Naqd al-Mantiq* yang menyatakan bahawa seseorang itu tidak perlu mempelajari qias *Mantiq* kerana secara semulajadinya ia mampu mempraktikkan qias tersebut tanpa perlu mempelajarinya terlebih dahulu, sebagaimana orang-orang Arab yang mampu bertutur dengan bahasa Arab, tanpa mempelajari kaedah-kaedah fatabahasa Arab terlebih dahulu.<sup>4</sup>

Kenyataan beliau di atas menurut pandangan penulis membuktikan kepada kita bahawa beliau bukan menolak peranan akal dalam mencari kebenaran walau pun beliau telah menolak Falsafah secara kolektifnya termasuk *Mantiq*. Pandangan beliau bahawa akal mampu untuk memahami tentang *al-Tamatul* dan *al-Iktilaf* yang terdapat pada sesuatu benda secara semulajadi bukan sahaja telah merendahkan metod *al-Qiyas*, yang

<sup>1</sup>Ibn Taymiyyah, *Naqd al-Mantiq*, h. 169.

<sup>2</sup>Berhubung dengan kenyataan ini, firman Allah s.w.t. di dalam al-Qur'an yang bermaksud "Kami telah menurunkan bersama-sama mereka (Rasul-rasul Kami) Kitab Suci dan keterangannya yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan." (al-Hadid : 25.)

<sup>3</sup>Ijāmid Tāhir, *Op.cit.*, h. 167.

<sup>4</sup>Ibn Taymiyyah, *Naqd al-Mantiq*, h. 157.

diagung-agungkan oleh tokoh-tokoh *Mantiq* Islam, tetapi juga merendahkan metod *al-Had* yang mengambil kira kedua-kedua perkara tersebut dalam mendefinisikan sesuatu benda.

#### 4.4.4. Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (m. 751 H./ 1350 M.)

Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah<sup>1</sup> merupakan seorang tokoh ulama Islam terkenal yang turut mendokongi aliran mazhab *al-Salafiyyah* yang telah diperjuangkan oleh gurunya Ibn Taymiyyah. Beliau telah memerangi semua golongan atau individu yang telah menyeleweng daripada landasan akidah *al-Salafiyyah* termasuk tokoh-tokoh Tasawwuf dan juga ahli Falsafah.<sup>2</sup> Menurut beliau, golongan *al-Salaf* adalah golongan yang membawa aliran pemikiran yang terbaik, mazhab yang paling selamat dan metod yang lebih berpertunjuk. Mereka juga merupakan semulia-mulia umat Muhammad s.a.w. yang memiliki keimanan yang sempurna dan keilmuan yang mantap.<sup>3</sup>

Umum mengetahui bahawa penolakan tokoh ulama Islam terkenal, Ibn Taymiyyah *Mantiq* Greek telah berjaya mempengaruhi aliran pemikiran beberapa orang tokoh ulama yang muncul selepas kepergiannya. Pengaruh beliau adalah amat jelas terserlah dalam pemikiran murid setianyanya, Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah. kita sedia maklum bahawa semua pendokong aliran pemikiran *al-Salafiyyah* telah menolak semua

<sup>1</sup>Beliau ialah Muḥammad ibn Abī Bakr ibn Sa‘d ibn Ḥarīz al-Zarīyy al-Damshiqiyy. Beliau yang terkenal dengan gelaran Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah telah diperanakkkan pada 7hb. Safar, tahun 691 H./ 1292 M. dan meninggal dunia pada 13hb. Rejab, 751 H./ 1350 M. Beliau dinamakan di Damshiq. Antara karya beliau yang terkenal ialah kitab *Iḥām al-Muwaqqi‘īn ‘An Rabb al-‘Ālamīn, Miftāh Dar al-Sa‘ādah Wa Ma’nūshūr Wilāyah al-‘Ibm Wa al-Irādah, al-Fawā’id*, dan lain-lain lagi.

<sup>2</sup>Abd al-‘Azīz ibn ‘Abd al-Salām, Dr., *Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, ‘Asruh Wa Maḥājūh Wa Ārā’uh Fi al-Fiqh Wa al-‘Aqā’id Wa al-Tasawwuf*, Kaherah, 1967, h. 73.

<sup>3</sup>Hijāzī, Iwād Allāh, Jad, Dr., *Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah Wa Ma’wqifuh Min al-Taṣkīr al-Islāmiyy*, Kaherah, 1989, h. 75.

disiplin ilmu yang bersumberkan kepada Falsafah Greek. Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah yang tergolong dalam tersebut, tentu sekali menolak *Mantiq* yang berasal dari Greek Yunani.

Walaupun beliau tidak meninggalkan kepada kita satu karya khusus bagi menolak *Mantiq*, sebagaimana yang telah dilakukan oleh Ibn Taymiyyah, namun pandangan beliau terhadap Falsafah secara umum dan *Mantiq* secara khususnya telah diabadikannya dalam karya-karyanya seperti *Miftah Dār al-Sādah Wa Manshūr Wilāyah al-'Ilm Wa al-Trādah* dan *Ighāthah al-Lahfān Min Maṣayid al-Shayṭān*. Beliau yang telah menolak semua disiplin ilmu Falsafah, telah menghukumkan tokoh-tokoh ulama yang terlibat dalam penyebaran ilmu asing tersebut sebagai termasuk dalam golongan orang-orang kafir yang telah terkeluar dari agama Islam.

Nāṣīr al-Dīn al-Tūsī (m. 672 H./ 1273 M.)<sup>1</sup> adalah merupakan salah seorang tokoh ulama Islam yang telah dianggapnya kafir kerana bertindak menyebarkan disiplin ilmu Falsafah pada zaman pemerintahan al-Tatār.<sup>2</sup> Al-Tūsī dilaporkan telah mendirikan sebuah institusi yang dinamakan sebagai *Dār al-Hikmah* bagi menyebarkan ilmu Falsafah kepada masyarakat Islam pada zaman tersebut. *Dār al-Hikmah* yang memainkan peranan penting dalam penyebaran Falsafah Greek pada ketika itu, telah menawarkan biasiswa sebanyak tiga dirham sehari kepada individu-individu yang

<sup>1</sup>Beliau ialah Abu Ja'far Muḥammad ibn Muḥammad ibn al-Ḥasan yang lebih terkenal dengan gelaran Nāṣīr al-Dīn al-Tūsī. Al-Tūsī adalah merupakan seorang ahli Falsafah dan *Mantiq* yang terkenal pada zaman terkemudian. Antara karya beliau yang terkenal ialah *Tahrīr Usūl Iqlīdūs*, *Tahrīr al-'Aqā'id* dan juga *Talḥīṣ al-Muḥāṣṣal*.

<sup>2</sup>Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Muḥammad ibn Abī Bakr, *Ighāthah al-Lahfān Min Maṣayid al-Shayṭān*, Kaherah, j.2, 1961, h.263

berminat untuk mendalami pengajian dalam bidang tersebut. Langkah beliau ini telah menyebabkan disiplin-disiplin ilmu Greek termasuk *Mantiq* yang sebelumnya hanya dipelajari oleh individu-individu tertentu secara rahsia, telah tersebar secara meluas dalam masyarakat Islam.<sup>1</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah menganggap langkah al-Tusi ini sebagai satu amalan yang keji dan sia-sia.<sup>2</sup>

Pandangan Ibn al-Qayyim dalam pelbagai aspek yang berkaitan dengan *Mantiq* adalah pada asasnya selari dengan pandangan gurunya Ibn Taymiyyah. Banyak karyanya yang memuatkan pendapat Ibn Taymiyyah, walau pun dalam bentuk ungkapan perkataan dan gaya bahasa yang berbeza dengan ungkapan perkataan dan gaya bahasa yang biasa digunakan oleh gurunya, Ibn Taymiyyah.<sup>3</sup> Sikap beliau terhadap semua cabang disiplin ilmu Falsafah dan beberapa aspek yang berkaitan dengan ‘Ilm al-Kalam adalah sama dengan sikap yang telah ditunjukkan oleh Ibn Taymiyyah. Ibn al-Qayyim menganggap semua disiplin ilmu Falsafah secara keseluruhannya yang diambil daripada al-Tusi, Ibn Sina, al-Farabi dan juga Aristotle tidak boleh memberi apa-apa faedah kepada umat Islam.<sup>4</sup>

Beliau juga menjelaskan bahawa *Mantiq* mengandungi banyak unsur kekacauan (*al-Tahāfiṭ*) dan tidak banyak memberi faedah kepada seseorang. Menurut Ibn al-Qayyim lagi, *Mantiq* juga mengandungi banyak unsur-unsur kepalsuan,

<sup>1</sup> Al-Suyū̄fī, *Ṣawn al-Mantiq*; h. 13. Lihat juga, Ibn Kathīr, *Ismā’īl ibn ’Umar ibn Kathīr, al-Bidāyah Wa al-Nihayah*, Beirut, j. 13, 1966, h. 242.

<sup>2</sup>\*Abd al-Amīr al-Āṣam, Dr., *al-Faylasūf Nāṣir al-Dīn al-Tusi; Mu’assis al-Manhaj al-Falsafiyy Fī ’Ilm al-Kalam al-Islāmiyy*, Beirut, 1975, h. 102.

<sup>3</sup> Al-Su‘aydī, *al-Mujaddidīn*; h. 303.

<sup>4</sup>*Ibid*.

kerosakan, dan percanggahan yang nyata antara dasar-dasar dan susunannya. Banyak dasar-dasar *Mantiq* yang tidak boleh diterima pakai dan bercanggah dengan akal manusia. Selain daripada itu, ia juga mengandungi dakwaan-dakwaan yang tidak pernah dibuktikan kesahihannya dan juga anasir-anasir membezakan antara dua perkara yang sama dan menyamakan antara dua perkara yang berbeza. Hal ini menyebabkan tokoh-tokoh *Mantiq* cenderung menjatuhkan hukuman yang berlainan ke atas dua perkara yang sama dan menjatuhkan hukuman yang sama ke atas dua perkara yang berbeza.<sup>1</sup>

Beliau juga berpendapat bahawa kejahilan tentang *Mantiq* adalah lebih baik dari memiliki pengetahuan tentangnya. Pendapat mereka yang menyatakan bahawa usaha mempelajari *Mantiq* adalah satu fardu kifayah ataupun fardu 'ain telah ditolak oleh beliau. Ini kerana para imam-imam seperti al-Shāfi‘ī, Ahmad Ibn Hambal dan seluruh ulama Tafsir, pakar-pakar bahasa Arab dan imam-imam yang lain yang tidak sedikitpun mempedulikan tentang kaedah-kaedah *Mantiq* dalam penulisan karya-karya ilmiah mereka, tetap dihormati dan disanjung oleh masyarakat. Walau pun mereka tidak mengetahui tentang *Mantiq*, namun mereka adalah sebenarnya lebih mulia dan lebih mantap ilmunya berbanding dengan individu-individu yang berkecimpung dengan omongan kosong *Mantiq*.<sup>2</sup>

#### 4.4.5. Al-Imām al-Suyūtī (m. 911 M./ 1505 M.)

Al-Imam al-Suyūtī adalah merupakan antara tokoh ulama yang juga lantang menentang kehadiran *Mantiq* ke Dunia Islam. Beliau telah mempertahankan hujah-

<sup>1</sup>Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Miftāh al-Sa‘ādah*, j. 1., h. 157-158.

<sup>2</sup>*Ibid.*

hujjah yang telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh ulama sebelumnya seperti Ibn al-Salah dan juga Ibn Taymiyyah. Menurut al-Suyūṭī, beliau pada mulanya cuba membaca tentang karya-karya *Mantiq*, namun kemudiannya Allah s.w.t. telah mencampakkan ke dalam hatinya perasaan benci terhadap disiplin ilmu tersebut. Setelah beliau mengetahui bahawa Ibn al-Salah telah mengharamkan *Mantiq*, beliau terus meninggalkan disiplin tersebut untuk mendalami bidang *al-Hadīth*.<sup>1</sup>

Dalam rangka menolak *Mantiq* Greek, beliau telah mengarang karyanya yang terkenal iaitu kitab "*Sawn al-Mantiq Wa al-Kalām ‘An Fan al-Mantiq Wa al-Kalām*". Penghasilan karyanya ini menurut Dr. Ḥamid Tāhir, adalah bertujuan untuk menjauahkan umat Islam dari mendekati *Mantiq* dan '*Ilm al-Kalām*'.<sup>2</sup> Dalam mukadimah kitab tersebut, beliau menceritakan bahawa pada sekitar tahun 867 atau 868 H/ 1462 atau 1463 M, beliau telah menghasilkan sebuah karya yang berjudul "*al-Qawl al-Mushriq*" yang memuatkan perbicaraan tentang keharaman melibatkan diri dengan kesenian *Mantiq*. Melalui kitab ini, al-Suyūṭī telah mengumpul kesemua pendapat imam-imam Islam yang mengharamkan umat Islam melibatkan diri dengan kesenian *Mantiq*.<sup>3</sup>

Selain daripada itu, Al-Suyūṭī juga telah meringkaskan kitab "*Nasīḥah Ahl al-Īmān Fi al-Radd ‘Alā Mantiq al-Yūmān*",<sup>4</sup> karangan Ibn Taymiyyah yang banyak

<sup>1</sup> Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn, ‘Abd al-Rahmān Ibn Abī Bakr, *Tabaqat al-Mufassirin*, Kaherah, 1976, h. 12.

<sup>2</sup> Ḥamid Tāhir, *Op.cit.*, h. 168.

<sup>3</sup> Al-Suyūṭī, *Sawn al-Mantiq*, h. 1.

<sup>4</sup> Haji Khalīfah menyebut kitab ini dengan nama "*Nasīḥah Dhawī al-Īmān Fi al-Radd ‘Alā Mantiq al-Yūmān*". Lihat, (Haji Khalīfah, *Kashf al-Zunūn ‘An Asāni al-Kutub Wa al-Funiūn*, Kaherah, t.t., j. 2, 1987, h. 1957.)

memperkatakan tentang kelemahan-kelemahan kaedah *Mantiq* susunan Aristotle. Kitab ringkasannya ini telah diberi judul "*Juhd al-Qariyah Fi Tajrid al-Nayyah*".<sup>1</sup>

Beliau juga secara terus terang telah menolak pandangan al-al-Ghazali dalam mukadimah kitab "*al-Mustasyfa*" yang menyatakan bahawa antara syarat-syarat yang diperlukan oleh seseorang yang ingin berijtihad ialah mengetahui tentang kesenian *Mantiq*.<sup>2</sup> Al-Suyuti yang telah mencapai tahap ulama *mujtahid*, menyatakan bahawa, walaupun beliau tidak memenuhi syarat yang diperlukan oleh al-Ghazali, namun beliau mengetahui tentang asas-asas kaedah *Mantiq* dan kesimpulan-kesimpulan yang dapat dikeluarkan daripada kaedah-kaedah tersebut, sebagaimana yang diketahui oleh ahli-ahli *Mantiq* di zamannya kecuali Muhyi al-Din al-Katiji (m. 879 H./ 1474 M.).<sup>3</sup> Kenyataan ini menunjukkan bahawa beliau telah menolak salah satu syarat ijtihad yang telah digariskan oleh al-Imam al-Ghazali dalam kitabnya "*al-Mustasyfa*".

#### 4.4.6. Ulasan Terhadap Sikap Golongan Yang Menolak *Mantiq*.

Setelah dikemukakan perbincangan tentang sikap beberapa orang tokoh ulama Islam yang menolak *Mantiq*, kajian ini mendapati bahawa di sana terdapat dua trend kritikan terhadap *Mantiq*. Kalangan ulama sebelum kemunculan Ibn Taymiyyah seperti al-Shafii<sup>4</sup> dan Ibn al-Salah menolak *Mantiq* dengan mengemukakan alasan-alasan yang lebih merujuk kepada aspek-aspek luaran *Mantiq*. Hujjah-hujjah mereka adalah lebih difokuskan kepada asal usul dan latarbelakang disiplin tersebut yang tidak

<sup>1</sup>Al-Suyuti, *Juhd al-Qariyah*; h. 201. lihat juga, Haji Khalifah, *Ibid.*

<sup>2</sup>Al-Ghazali, *al-Mustasyfa*; h. 7.

<sup>3</sup>Al-Suyuti, *Sawn al-Mantiq*; h. 1 - 2.

bersumberkan kepada sumber-sumber pemikiran Islam, tidak pernah diperkatakan oleh para ulama terdahulu, boleh menyebabkan timbulnya pelbagai perkara bid'ah, kesesatan, kejahanan dan perkara-perkara lain yang boleh membahayakan umat Islam menurut pandangan mereka.

Alasan-alasan tersebut adalah kurang mampu untuk mendedahkan aspek-aspek kelemahan, kesilapan dan kesalahan yang terdapat dalam *Mantiq Greek*. Hal ini terjadi kerana kebanyakan mereka tidak membuat penelitian yang terperinci dan kajian secara ilmiah terhadap kaedah-kaedah *Mantiq Greek* itu sendiri sebagaimana yang telah dilakukan oleh Ibn Taymiyyah. Walaupun kita menghormati pandangan mereka, namun berdasarkan kepada kenyataan ini, kita tidak boleh menghukumkan bahawa *Mantiq* adalah satu disiplin ilmu yang diharamkan secara mutlak kerana sesuatu kemudaratian yang mungkin terbit daripada kesilapan menggunakan kaedah-kaedah *Mantiq* dalam bidang ilmu pengetahuan akan dapat dielakkan scandainya seseorang itu telah melengkapkan dirinya dengan syarat-syarat pengkajian *Mantiq* yang telah digariskan oleh jumhur ulama.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa umat Islam perlu berhati-hati dengan disiplin ini kerana kesilapan seseorang dalam menggunakan kaedah-kaedah *Mantiq* akan menjerumuskannya ke lembah kesesatan, sebagaimana yang berlaku kepada ahli-ahli Falsafah Islam. Hal inilah sebenarnya yang dibimbangi oleh al-Imām al-Għażali. Walau bagaimana pun sekiranya seseorang yang pintar, mempunyai akal fikiran yang cerdas dan mahir menggunakan kaedah-kaedah *al-Had*, *al-Qiyās*, *al-Istiqrā'* dan *al-Tamqīl*

untuk tujuan mengawasi pemikiran manusia dari melakukan kesilapan dalam berfikir atau untuk tujuan membezakan antara pandangan yang benar dan palsu, ia sama sekali tidak ditegah mempelajari disiplin *Mantiq*. Pandangan inilah yang termasyur di kalangan para ulama.

Walau bagaimana pun, kemunculan Ibn Taymiyyah telah mengubah trend kritikan terhadap *Mantiq*. Selain dari mempertahankan hujjah-hujjah yang telah dikemukakan oleh beberapa orang tokoh ulama sebelumnya, Beliau telah berjaya mendedahkan aspek-aspek kelemahan, kesilapan dan kesalahan yang terdapat pada kaedah-kaedah *Mantiq* berdasarkan kepada kajian ilmiah dan bermetod. Hujjah-hujjah beliau dalam menolak metod *al-Had* dan *al-Qiyās* yang berasaskan kepada pemikiran Greek adalah cukup kuat, konkrit lagi meyakinkan. Setelah beliau menolak *Mantiq* Greek, beliau telah menawarkan alternatif terbaik kepada umat Islam bagi metod *al-Had* dan *al-Qiyās* yang lebih secocok dengan ajaran Islam.

Kritikan beliau secara ilmiah khususnya, dan beberapa kalangan ulama lain terhadap *Mantiq* Greek yang bersifat *al-Sūriyy* atau *al-Shakliyy* (*Formal*) sebenarnya telah memberi sumbangan yang amat besar kepada kemunculan aliran *Mantiq* Modern di Barat yang telah dipelopori oleh Francis Bacon, René Descartes, John Stewart Mill dan lain-lain lagi. Dua setengah abad selepas Ibn Taymiyyah, telah muncul di Eropah satu gelombang kritikan terhadap *Mantiq* Aristotle dan Falsafah yang ada pada ahli-ahli theologi Kristian yang terpengaruh dengan Falsafah Greek.<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Wan Salim Hj. Mohd Nor, *Sumbangan Ibn Taymiyyah Terhadap Kebangkitan Pemikiran Islam*, Islamika II, Kuala Lumpur, 1982, h. 90.

Memang diakui bahawa para pemikir Barat di zaman moden telah banyak mengkaji dan mengambil pengajaran daripada kritikan tokoh-tokoh pemikir Islam terhadap *Mantiq* Formal. Penelitian mereka terhadap karya-karya kritikan tokoh-tokoh pemikir agung Islam terhadap *Mantiq* Greek telah melahirkan satu inspirasi kepada mereka untuk menentang penguasaan *Mantiq* Aristotle dalam pemikiran masyarakat Barat, khususnya pada kurun pertengahan dan di awal zaman renesansi (*renaissance*) atau zaman perkembangan ilmu di Eropah. Kemunculan Francis Bacon (m. 1626 M.) yang memperjuangkan aliran *Mantiq* Moden yang bersendikan kepada kajian *al-Istigra'* (*induction*) di Barat telah memberi pukulan hebat terhadap pengaruh *Mantiq* Greek di Dunia Barat.

#### 4.5. KESIMPULAN

Berdasarkan kepadauraian di atas, kajian ini mendapat bahawa di sana terdapat dua aliran sikap pro dan kontra di kalangan ulama dalam menanggapi disiplin *Mantiq* yang telah berjaya mempengaruhi pemikiran Islam. Walau pun *Mantiq*, pada suatu ketika telah ditentang hebat oleh sebahagian ulama khususnya *Ibn al-Salāḥ* dan *Ibn Taymiyyah*, namun sebahagian besar dari para ulama masa kini khususnya dari aliran *Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā'ah* tidak menolak *Mantiq* dan tidak merasa keberatan untuk mengajarkan disiplin tersebut di universiti-universiti Islam terkenal, contohnya Universiti al-Azhar, di Kaherah yang merupakan sebuah universiti Islam terunggul pada masa kini.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Al-Tawīl, Fī Tūrāfīhīnā: h. 72. Universiti al-Azhar, sejak dari dahulu lagi telah menawarkan subjek Falsafah dan *Mantiq* kepada para mahasiswa yang memasuki Kuliah Usuluddin dan Kuliah Pengajian Islam Dan Bahasa Arab di samping disiplin-disiplin ilmu Islam yang lain. Universiti Malaya, Kuala Lumpur juga tidak ketinggalan menawarkan kedua-dua subjek ini kepada para mahasiswa/winya yang memilih Bahagian Pengajian Usuluddin di Akademi Pengajian Islam. (penulis).

Sementara sebahagian yang lain pula, telah menolak kehadiran *Mantiq* ke Dunia Islam. Mereka yang kebanyakannya terdiri dari kalangan tokoh-tokoh ulama *al-Salaf*, telah menolak semua disiplin ilmu yang tidak bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah dan tidak pernah diperkatakan oleh para *al-Salafu al-Salih*. Kecemerlangan aliran ini adalah terserlah dengan kemunculan Ibn Taymiyyah yang bukan sahaja berjaya mengkritik kaedah-kaedah *Mantiq* Aristotle secara ilmiah dan bermetod, tetapi juga berjaya menawarkan alternatif *Mantiq* Islam yang lebih secocok dengan ajaran Islam.

Dalam menangani persoalan ini, penulis berpendapat bahawa kedua-dua aliran sikap pro dan kontra di atas perlu diambil kira oleh kita dalam menilai disiplin *Mantiq*. Hal ini adalah penting kerana masing-masing mempunyai hujjah yang kuat bagi menyokong pendirian masing-masing. Justeru itu, dalam hal ini penulis lebih suka mengambil jalan tengah dalam menilai disiplin ilmu asing ini. Kita cukup sedar dan akur bahawa *Mantiq*, di atas sifatnya sebagai satu disiplin ilmu asing, sudah tentu mempunyai ciri-ciri yang berbeza dengan ciri-ciri disiplin ilmu Islam. Justeru itu kita sepatutnya lebih berhati-hati dalam menggunakan kaedah-kaedah *Mantiq* kerana sebarang kesilapan akan menjerumuskan kita ke lembah kesesatan dan kekufturan.

Untuk mengelakkan daripada berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini tersebut, sesorang yang ingin mempelajari *Mantiq*, hendaklah memenuhi syarat-syarat yang tertentu yang ditetapkan oleh para ulama. Antaranya ialah sesorang itu mestilah terdiri dari kalangan individu yang mempunyai tahap kecerdasan akal yang sempurna dan mengamalkan ajaran al-Quran dan al-Sunnah dalam kehidupannya. Selain daripada

itu, ia juga hendaklah merasa yakin bahawa ia sekali-kali tidak boleh digoncangkan oleh sebarang bentuk kebatilan dan tidak mudah terikut-ikut dengan kemiginan golongan Atheis. Ia juga dilarang mencampuradukkan pandangan ulama *Mantiq* dengan pandangan para ulama Islam.

Penulis lebih cenderung kepada pendapat ini kerana syarat-syarat tersebut akan dapat mengawal seseorang yang berkecimpung dalam bidang *Mantiq* dari melakukan kesilapan dan terjerumus ke lembah kesesatan. Pendapat ini juga sebenarnya adalah pendapat yang secocok dengan pandangan jumhur ulama Islam.

Inilah juga pendirian yang telah diambil oleh al-Imām al-Subkī. Beliau telah mengambil jalan tengah antara dua aliran sikap yang berbeza di atas. Al-Subkī tidak bersetuju dengan fatwa pengharaman *Mantiq* secara mutlak yang telah dikeluarkan oleh sebahagian ulama Islam kerana beliau berpendapat bahawa *Mantiq* dan Falsafah adalah sepatutnya diharamkan kepada individu-individu yang tertentu sahaja, bukan kepada semua orang. Individu-individu yang dimaksudkan oleh beliau ialah individu yang tidak berpegang kuat dengan kaedah-kaedah syara\*, tidak mengagungkan Rasulullah s.a.w. dan syariatNya, tidak menghafal al-Quran dan sebahagian besar daripada hadis-hadis Rasulullah s.a.w. dan tidak mengetahui tentang masalah-masalah cabang Fekah yang membolehkan seseorang merujuk kepadanya apabila timbul sebarang masalah yang berkaitan dengan bidang *al-Fiqh*.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Al-Subkī, *Tabaqāt*, j. 4, h. 129. Lihat juga, Al-Nashshār, *Muādhibī*, h. 291.

Ibn Khaldūn, seorang tokoh sejarawan terkenal yang telah menjatuhkan kedudukan *Mantiq* dari tempat yang tinggi di dalam dominasi utama ilmu pengetahuan di zamannya<sup>1</sup> dan banyak mengkritik kelemahan-kelemahan kaedah *Mantiq* turut berpendapat bahawa seseorang muslim dibolehkan mempelajari *Mantiq* dan disiplin-disiplin ilmu Falsafah sekiranya individu tersebut telah memiliki pengetahuan yang luas dalam bidang ilmu-ilmu syara', khususnya 'Ibn al-Tafsīr dan al-Fiqh. Menurut beliau lagi, seseorang yang tidak mempunyai pengetahuan yang luas tentang ilmu-ilmu agama, jarang sekali terselamat dari terjerumus ke dalam kesalahan-kesalahan *Mantiq* apabila mereka cuba menceburkan diri di dalam bidang *Mantiq*.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Kamarudin Haji Salleh, *Pandangan Dan Sikap Ibn Khaldūn Terhadap Ilmu*, Koleksi kertas kerja Wacana Pemikiran Islam V, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995, h.8

<sup>2</sup>Ibn Khaldūn, *Op.cit.*, h. 574.